



قليتا بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 32 BILANGAN 48

RABU 2 DISEMBER, 1987.

رابو 10 ربيع الآخر 1408

PERCUMA

KEBAWAH DYMM MENERIMA ANUGERAH D.K. SELANGOR

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah dianugerahkan Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati (D.K.) Selangor oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, Sultan Selangor Darul Ehsan.

Istiadat menganugerahkan darjah tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman pada petang 23 November lepas sempena lawatan muhibah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Darul Ehsan selama tiga hari ke negara ini. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.

BERITA DAN GAMBAR-
GAMBAR DISIARKAN DI
MUKA 12, 13



Rakyat digalak masuki angkatan bersenjata

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral Pengiran Haji Ibnu, Timbalan Menteri Pertahanan mengumumkan bahawa penubuhan Pasukan Askar Simpanan Melayu Diraja Brunei adalah dihasratkan pada menggalakkan rakyat di negara ini untuk memasuki perkhidmatan angkatan bersenjata.

Menurut Yang Amat Mulia, secara umum perkhidmatan tersebut akan membuka jalan dan peluang untuk mengenal dan meninjau lagi semangat waja dan identiti bangsa kita yang berdisiplin

berwibawa tinggi, dinamik dan tahan lasak yang sentiasa berbakti kepada nusa dan bangsa.

“Dengan peranannya sebagai pasukan tambahan, Pasukan Askar Simpanan Melayu Diraja Brunei memberikan peluang dan

cabaran yang membolehkan kita menghargai peranan dan sumbangan angkatan bersenjata sebagai tulang belakang keselamatan dan pertahanan negara,” jelas Yang Amat Mulia.

Mengumumkan demikian mengenai panggilan pentad-

biran pertama bagi bakal Askar Simpanan Melayu Diraja Brunei baru-baru ini, Yang Amat Mulia bersabda penubuhan pasukan tersebut adalah berasaskan atas kehendak memperkuat pertahanan negara kita yang tercinta ini.

Yang Amat Mulia bersabda, tujuan penubuhan tersebut ialah bagi mendapatkan sumber tenaga tentera tambahan yang terlatih pada membantu Angkatan Bersenjata Diraja

Lihat muka 8

300 orang telah mendaftar

BERAKAS. — Hampir 300 orang bekas perajurit Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang telah menamatkan perkhidmatan mereka selama lima tahun telah mendaftarkan diri bagi menyertai Pasukan Askar Simpanan Melayu Diraja Brunei.

Pendaftaran itu diadakan pada 27 November lepas di bilik syarahan Askar Muda, Blok Alak Betatar, Bolkiah Garrison di sini.

Bakal perajurit Pasukan Askar Simpanan Melayu Diraja Brunei juga telah menjalani temuduga mengenai keahlian mereka, menyukat pakaian, topi, kasut dan menjalani pemeriksaan kesihatan.

Panggilan pentadbiran pertama ini adalah sebahagian besarnya ditujukan kepada mereka yang berkenaan iaitu bekas anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang telah menjalani perkhidmatan lima tahun mereka diwajibkan menjalani perkhidmatan simpanan selama lima tahun.

Mereka yang terpilih untuk memasuki pasukan itu akan mengikuti latihan sekurang-kurangnya selama 15 hari dan tidak lebih 30 hari dalam setahun. Latihan ini akan bermula awal tahun depan demikian menurut seorang pegawai di Kementerian Pertahanan.

Sabda perutusan Yang Amat Mulia telah dibacakan oleh Setiausaha Tetap Dasar dan Pentadbiran Kementerian Pertahanan Dato Paduka Awang Mohammad Alimin bin Haji Abdul Wahab di upacara perasmian Pasukan Askar Simpanan Melayu Diraja Brunei pada 27 November, 1987 di Dewan Pahlawan, Berakas Garrison.

Menurut Yang Amat Mulia, perkhidmatan simpanan bukanlah perkhidmatan tentera sepenuh masa dan dengan itu sebahagian masa bekas perajurit akan lebih tertumpu kepada kegiatan-kegiatan civilian.

Lihat muka 9

MANISNYA IMAN

“SESUNGGUHNYA kamu dipanggil pada hari kiamat dengan nama kamu, dan nama bapa kamu, oleh itu elakkanlah nama kamu.” — Hadis Nabi riwayat Abu Daud.

PETIKAN TITAH

“Soal mempertahankan keselamatan negara bukanlah semata-mata dipikul dan dipertanggungjawabkan kepada Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan juga pasukan-pasukan keselamatan yang lain akan tetapi setiap rakyat yang berada di dalam lingkungan umur yang dikira aktif dan di-ahut sihat adalah juga sama-sama mempunyai tanggungjawab dalam memberikan sumbangan untuk menjaga keselamatan dan pertahanan Negara Brunei Darussalam yang sama-sama kita cintai ini.”

Dimuatkan di Istiadat Menghadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang dan Pingat Kebesaran sempena hari keputeraan baginda ke-41 tahun di Lapor pada 15 Julai, 1987.



Pelita Brunei
DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

2 DISEMBER, 1987

*Dengan nama Allah yang Maha
Pemurah dan Maha Penyayang*

MEMBACA SEBAGAI BUDAYA

PERPUSTAKAAN memainkan peranan dalam mengembangkan ilmu pengetahuan. Di negara kita perpustakaan merupakan salah satu kemudahan yang memberikan perkhidmatan percuma kepada orang ramai yang disediakan oleh kerajaan melalui Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Apakah kemudahan yang amat berharga itu telah digunakan sepenuhnya oleh masyarakat kita. Kalau buku-buku yang berbagai jenis dan corak itu hanya sekadar menjadi barang tontonan atau pameran sahaja tanpa dimanfaatkan, maka usaha kerajaan tidak akan bererti.

Perpustakaan DBP telah dan sedang berusaha menyediakan berbagai jenis bahan bacaan untuk keperluan dan kegunaan oleh berbagai lapisan masyarakat. Berbagai langkah diatur untuk memperkenalkan perpustakaan kepada orang ramai sambil berusaha menarik minat orang ramai supaya gemar membaca. Adalah suatu hakikat bahawa masyarakat yang gemar membaca lazimnya adalah masyarakat yang berilmu dan maju.

Memang tidak dinafikan ramai orang yang boleh membaca, tetapi masih kurang yang gemar membaca. Berbagai sebab telah dijadikan alasan, mungkin kerana tidak ada masa atau sibuk dengan tugas-tugas harian. Kita bukanlah bermaksud membaca itu dilakukan sepanjang masa tetapi terserahlah kepada kebijaksanaan masing-masing untuk membahagikan waktu untuk membaca.

Di Jepun umpamanya 75 peratus daripada penduduknya gemar membaca. Mereka akan membaca di mana sahaja asalkan ada peluang dan mereka membaca apa sahaja bahan bacaan yang boleh mendatangkan pengetahuan kepada mereka.

Di negara kita pula Perpustakaan DBP telah pun melancarkan 'Gerakan Budaya Membaca', 'Taman Bertuturan Bergerak' di samping Perpustakaan Bergerak yang menjelajah ke kawasan-kawasan di luar bandar. Taman Bertuturan Bergerak dikelola oleh cawangan Perpustakaan Kanak-Kanak yang antara lain bertujuan untuk menyemai dan menggalakkan minat membaca di kalangan kanak-kanak, membimbing kanak-kanak menggunakan masa dengan perkara-perkara yang berfaedah dan sambil itu menanamkan kesedaran kepada ibu bapa terhadap pentingnya perpustakaan kepada kanak-kanak.

Gerakan Budaya Membaca pula diunkayahkan oleh cawangan Perpustakaan Muda-Mudi. Ini juga bertujuan untuk memupuk minat membaca di kalangan muda-mudi dengan menggalakkan penggunaan perpustakaan secara meluas, melatih dan mendidik muda-mudi menjadi seorang yang berdisiplin dan bertanggungjawab dan mengisi masa lapang dengan perkara-perkara yang berkebalikan untuk menghindarkan mereka dari terlibat dalam kegiatan-kegiatan yang tidak diinginkan seperti menagih dadah atau merosakkan harta-benda awam.

Mungkin tidak sukar menjadikan membaca itu sebagai salah satu unsur budaya dalam kehidupan kita. Andainya budaya membaca itu dapat diresapkan dengan berkesan ke segenap lapisan masyarakat kita adalah diyakini ia akan dapat membantu masyarakat kita dalam membentuk pemikiran yang sihat dan luas ilmu pengetahuan.

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Wa-
rahmatullahi Wabarakatuh.

TERLEBIH dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa Produktiviti dan Kualiti, Kementerian Pembangunan kerana telah berjaya mengadakan Pelancaran Produktiviti dan Kualiti pada hari ini. Saya juga tidak lupa mengucapkan ribuan terima kasih kepada pengerusi dan ahli-ahli jawatankuasa kerana sudi menjemput saya hadir hari ini dan seterusnya memberi peluang kepada saya untuk menyampaikan sedikit ucapan dalam majlis yang indah dan permai ini.

Perkataan produktiviti dan kualiti memang tidak asing lagi kepada kita semua pada masa ini. Perkataan-perkataan ini sering disebut dan dibincangkan dalam media massa baik melalui surat-surat khabar, majalah mahupun radio atau televisyen. Di samping itu terdapat banyak buku-buku ilmiah telah ditulis yang bertema dan mempersoalkan aspek-aspek produktiviti dan kualiti.

Buku-buku tersebut menganalisa mengapa setengah-setengah syarikat itu maju dan mengapa pula setengah-setengah yang lain mundur dan langsung lenyap. Syarikat-syarikat yang maju mendapat keuntungan atau profit yang besar tiap-tiap tahun manakala syarikat-syarikat yang tidak maju mendapat keuntungan atau profit yang rendah atau tidak ada sama sekali. Untuk mendapatkan keuntungan atau profit yang berterusan satu-satu syarikat itu harus dapat menjual product atau service yang diperdagangkan mereka kepada orang ramai sebanyak yang boleh. Dalam sistem pasaran terbuka di mana monopoli tidak timbul, orang ramai memang mempunyai banyak pilihan dalam membeli atau mendapatkan satu-satu product atau service dari pasaran. Ini bermakna yang orang ramai hanya akan membeli satu-satu product atau service itu menarik hati mereka serta mempunyai mutu atau kualiti yang dapat diterima dengan harga yang berpatutan. Ini merupakan expectation orang ramai yang universal. Product atau service yang tidak dapat memenuhi expectation ini sudah setentunya akan menghadapi kemelesetan jualan yang sudah setentunya akan menjelaskan keuntungan atau profit syarikat yang menghasilkannya, manakala syarikat yang dapat memenuhi expectation ini sudah setentunya akan mendapat keuntungan atau profit yang besar. Syarikat-syarikat ini kita katakan syarikat-syarikat yang berjaya. Syarikat-syarikat yang berjaya mencapai kejayaannya dengan usaha yang berterusan. Mereka senan-

Untuk mengukuhkan ekonomi negara: PRODUKTIVITI, KUALITI HARUS DIPRAKTIKKAN



UCAPAN penuh Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Laila Jasa Dr. Haji Ismail bin Pengiran Haji Damit ketika merasmikan Pelancaran Produktiviti dan Kualiti, Kementerian Pembangunan bertempat di Dewan Muhibah pada hari Sabtu 21 November 1987.

tiasa berusaha dalam meningkatkan mutu atau kualiti product atau service yang diperdagangkan. Dan mereka terus berusaha dalam meningkatkan lagi keseluruhan produktiviti mereka baik dari segi pengeluaran, pasaran mahupun perkhidmatan.

Syarikat-syarikat yang berjaya mempunyai tujuan atau objektif-objektif yang jelas seperti untuk mendapatkan keuntungan atau profit dan mereka menggunakan produktiviti dan kualiti sebagai salah satu langkah untuk mencapai tujuan ini.

Apakah pula peranan atau fungsi produktiviti dan kualiti dalam organisasi kerajaan amnya dan Kementerian Pembangunan khususnya? Apa kaitan produktiviti dan kualiti dalam tugas dan kerja kita seharian? Apakah perlu kita meningkatkan produktiviti dan kualiti di jabatan-jabatan kita? Jika perlu di mana dan kepada siapa usaha-usaha produktiviti harus ditumpukan dan siapakah yang harus melaksanakannya? Dalam hal ini terdapat dua pendapat:

Konsep produktiviti dan kualiti hanyalah untuk syarikat sahaja dan tidak dapat dijalankan di jabatan-jabatan kerajaan;

Konsep produktiviti dan kualiti boleh digunakan di setiap organisasi termasuklah jabatan-jabatan kerajaan.

Bagi pihak yang mengatakan atau berpendapat yang konsep produktiviti dan kualiti itu tidak boleh dijalankan di jabatan-jabatan kerajaan, mereka mengatakan demikian dengan sebab-sebab berikut:—

Kesan produktiviti dan kualiti kepada jabatan-

jabatan kerajaan tidak nampak sedangkan kesan produktiviti dan kualiti ini kepada syarikat-syarikat yang mengamalkannya jelas nampak dan boleh dirasakan dengan profit yang diterima.

Walaupun konsep produktiviti dan kualiti itu dapat digunakan di jabatan-jabatan kerajaan, ianya tidak akan berjaya kerana bureaucracy dan redtapes dalam jabatan-jabatan kerajaan.

Mempraktikkan konsep produktiviti dan kualiti dalam jabatan-jabatan kerajaan akan memerlukan perbelanjaan yang tinggi.

Saya berharap pegawai-pegawai Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam amnya tidak akan berpendapat seperti ini kerana jika kita semua berpendapat sedemikian, sudah setentunya jentera kerajaan akan lumpuh, statik, tidak efisien dan mundur setiap masa. Jika ini berlaku, kemajuan atau perkembangan negara keseluruhannya akan tergugat. Orang-orang yang berpendapat sedemikian hanya tahu menyebut perkataan produktiviti dan kualiti tetapi tidak menyedari akan konsep dan peranan produktiviti dan kualiti sebenarnya dalam kerja-kerja mereka seharian.

Sebenarnya konsep utama produktiviti dan kualiti adalah mudah dan ringkas. Produktiviti menggalakkan kita supaya mencari jalan untuk meningkatkan efisien daya pengeluaran dan cara-cara kita melaksanakan dan menyampaikan satu-satu tugas, kerja dan perkhid-

matan manakala kualiti pula menggalakkan kita supaya daya pengeluaran, tugas, kerja dan perkhidmatan yang kita laksanakan itu mempunyai mutu yang dapat diterima dan dirasa memuaskan bukan sahaja oleh kita sendiri, organisasi kita, malah oleh orang ramai yang menerima dan menikmati hasil daya pengeluaran, tugas, kerja dan perkhidmatan yang kita laksanakan itu. Dari itu jika konsep produktiviti dan kualiti ini dapat kita terima dan fahami, maka dapatlah kita mengambil kesimpulan yang orang-orang yang mengatakan yang konsep produktiviti dan kualiti tidak boleh digunakan di jabatan-jabatan kerajaan mempunyai fokus yang kabur tentang tanggungjawab dan tugas mereka dan jabatan mereka yang sebenar. Dengan lain perkataan mereka tidak mempunyai atau menyedari akan apakah "mission" yang mereka harus laksanakan. Orang-orang dan jabatan-jabatan seperti ini dapatlah diumpamakan seperti kapal yang tidak berenjin di laut — ianya berjalan mengikut arus tanpa ada tujuan yang tertentu. Tetapi saya percaya yang pegawai-pegawai di Kementerian Pembangunan dan di jabatan-jabatan di bawahnya tidak mempunyai anggapan yang sedemikian kerana kita semua menyedari akan mission dan tanggungjawab masing-masing. Kita menyedari yang kementerian kita bertanggungjawab untuk melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan negara kita yang meliputi bidang-bidang infrastruktur, kemudahan-kemudahan awam, perumahan, perhubungan, pertanian, perhutanan dan perikanan. Kita juga bertanggungjawab dalam mengawal pembangunan-pembangunan awam, menjaga kebersihan alam sekitar, mengawal dan mengasuh kemajuan syarikat-syarikat yang bersangkut-paut dengan tugas-tugas kita seperti pemborong-pemborong. Dan dalam menjalankan tugas-tugas ini kita juga berhubung rapat bukan sahaja dengan jabatan-jabatan lain malah dengan pihak-pihak swasta dan orang ramai. Secara ringkas tugas dan tanggungjawab atau mission kita dapatlah dikategorikan kepada:

Merancang
Melaksanakan
Mengawal dan
Memberi khidmat kepada jabatan-jabatan lain, pihak swasta dan orang ramai.

Usaha-usaha dalam meningkatkan lagi produktiviti dan kualiti di Kementerian Pembangunan harus ditumpukan kepada keempat-empat perkara ini supaya kita akan dapat menghasilkan keadaan-keadaan yang berikut:

Lihat muka 7

BANDAR SERI BEGAWAN.
— Setiausaha bagi Hal Ehwal Luar Negeri Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Tuan Raul S. Manglapus berkata bahawa persediaan bagi Sidang Kemuncak ASEAN yang akan diadakan di Manila bulan Disember ini sedang giat dilaksanakan.

Tuan Yang Terutama juga memberikan jaminan bahawa keselamatan di mana sidang kemuncak itu diadakan adalah dalam keadaan selamat dan terkawal.

"Saya berharap sidang tersebut akan berjalan dengan lancar dan teratur," jelas Tuan Yang Terutama Tuan R.S. Manglapus ketika ditemubual oleh wakil pemberita Jabatan Penyerian dan Penerangan baru-baru ini.

Tuan Yang Terutama Tuan R.S. Manglapus beserta isterinya Puan Pacita La O Manglapus dan rombongan adalah dalam rangka lawatan ke negara-negara ASEAN. Tuan Yang Terutama berada di sini selama dua hari iaitu bermula dari 24 hingga 25 November lalu.

Tujuan utama lawatan Tuan Yang Terutama ialah bagi menyampaikan undangan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN di Manila pada pertengahan bulan Disember ini.

Semasa berada di sini, Tuan Yang Terutama telah mengadakan kunjungan muhibah ke hadapan majlis

Oleh Dk. Fatimah PHMN dan Bolhasan HAB
Gambar-gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO dan Pg. Haji Yaakub.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri bertempat di Bangunan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri di Jalan Subok.

Di samping itu Tuan Yang Terutama beserta rombongan juga telah diraikan di satu majlis makan malam yang diberikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah bertempat di Dewan Persantapan Lapau di ibu negeri.

Berangkat sama di majlis itu ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajjah Zariah.

Terdahulu sebelum itu, ketibaan Tuan Yang Terutama dan rombongan di Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas telah dialu-alukan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Mulia Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Zakaria bin Datu Mahawangsa Awang Haji Sulaiman.

SIDANG KEMUNCAK ASEAN DI MANILA SELAMAT



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Tuan Yang Terutama Tuan Raul S. Manglapus ketika hadir di majlis makan malam. Juga kelihatan dalam gambar ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajjah Zariah dan Puan Pacita La O Manglapus.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri ketika berkenan menerima kunjungan muhibah Tuan Yang Terutama Tuan Raul S. Manglapus, Setiausaha bagi Hal Ehwal Luar Negeri Republik Filipina bertempat di Bangunan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri di Jalan Subok (atas).

KETIBAAN Tuan Yang Terutama Tuan Raul S. Manglapus dan rombongan di Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas telah disambut dan dialu-alukan oleh Yang Mulia Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Zakaria, Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri (bawah).



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri ketika berbual mesra dengan TYT Tuan Raul S. Manglapus di majlis makan malam.

Makluman orang ramai

ADALAH dengan ini di-maklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah melimpahkan kurnia perkenan mempersarakan perkhidmatan Awang Haji Tengah bin Hashim sebagai Penghulu Mukim Kianggeh dan menjalankan tugas-tugas

Penghulu Mukim Kumbang Pasang mulai tarikh Awang Haji Tengah menghabiskan baki hak-hak cuti yang belum diambil selama 45 hari. Oleh itu Awang Haji Tengah dibenarkan bercuti mulai 21 November, 1987 hingga 4 Januari, 1988. Awang Haji Tengah bin Hashim adalah dengan ini dipersarakan dari perkhidmatan sebagai

Penghulu Mukim Kianggeh dan menjalankan tugas-tugas Penghulu Mukim Kumbang Pasang mulai 5 Januari, 1988. Oleh yang demikian segala perkara yang biasanya memerlukan perhatian Penghulu Mukim Kianggeh dan Mukim Kumbang Pasang hendaklah dirujuk kepada Jabatan Daerah Brunei dan Muara.



Oleh Bolhassan HAB

PERTUKARAN BUDAYA ANTARA JEPUN - ASEAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Serombongan 17 orang ahli kebudayaan Jepun yang diketuai oleh Awang Toshikuni Yahiro telah mengadakan lawatan rasmi selama dua hari ke negara ini bermula pada 20 November yang baru lalu.

Lawatan tersebut bertujuan untuk mempelajari satu skim bagi menentengahkan pertukaran budaya dan kerjasama di antara Kerajaan Jepun dengan negara-negara Asean. Di samping itu ianya juga adalah untuk dicadangkan kepada Kerajaan Jepun bagi Skim Baru Kerjasama Kewangan Jepun untuk bidang ekonomi Asean di Majlis Mesyuarat Kemuncak Asean di Manila pada bulan Disember depan.

Menurut satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Kedutaan Jepun di sini, rombongan kebudayaan dari negara matahari terbit itu adalah dalam rangka lawatan ke negara-negara Asean.

Ketua rombongan, Awang Toshikuni Yahiro dengan diiringi oleh tiga orang ahlinya telah mengadap ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal



Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam di bangunan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri di Jalan Subok.

Mereka juga telah sempat mengadakan kunjungan muhibah kepada Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri

Paduka Haji Awang Hussien, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Di majlis yang berlangsung di pejabat Yang Berhormat itu, ahli-ahli rombongan telah diiringi oleh Duta Besar Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Tuan Ichiro Ohtaka.

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri ketika berkenan menerima kunjungan mengadap rombongan kebudayaan Jepun yang diketuai oleh Awang Toshikuni Yahiro. — Gambar oleh Pengiran Bahar PHO.

Diterima mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha telah berkenan menerima mengadap Puan Mary Beazley, isteri Menteri Pertahanan Australia, Yang Berhormat Tuan Kim C. Beazley.

Sementara itu Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam juga berkenan menerima mengadap Puan Mary Beazley.

Kedua-dua istiadat itu berlangsung di Istana Nurul Iman dan di Istana Nurul Izzah, pada 21 November lalu.

Puan Mary Beazley diiringi oleh isteri Pesuruhjaya Tinggi Australia ke negara ini, Puan Jane Starey dan telah tiba ke negara ini bersama suaminya, Yang Berhormat Tuan Kim C. Beazley pada 20 November lalu dalam rangka lawatan rasmi tiga hari. — (Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO).

Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak

PUSAT PERHENTIAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Rendah Limau Manis	2.12.1987	Rabu	8.30- 9.30 "
Sekolah Rendah Pengkalan Batu	2.12.1987	Rabu	9.45-10.45 "
Sekolah Rendah Masin	2.12.1987	Rabu	11.00-12.00 tengah hari
Sekolah Rendah Kupang	2.12.1987	Rabu	2.00- 3.00 petang
Sekolah Rendah Pantai Berakas	3.12.1987	Khamis	9.00-10.00 pagi
Letak Kereta di Kawasan NAAFI Berakas	3.12.1987	Khamis	10.05-11.05 "
Garison	3.12.1987	Khamis	9.45-10.45 "
Sekolah Rendah Bendahara Sakam Bunut	3.12.1987	Khamis	2.30- 3.30 petang
Kelas Bimbingan Kanak-kanak Cacat, Pusat Pulaie	3.12.1987	Khamis	10.00-11.00 pagi
Sekolah Rendah Bebuloh	5.12.1987	Sabtu	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Rendah Jerudong	5.12.1987	Sabtu	9.45-10.45 "
Pusat Tahanan Jerudong	5.12.1987	Sabtu	11.00-12.00 tengah hari
Sekolah Rendah Sengkurong	5.12.1987	Sabtu	2.00- 3.00 petang
Sekolah Agama Sengkurong (Sekolah Agama Pg Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam Kampong Mulaut)	5.12.1987	Sabtu	3.15- 4.15 "
Sekolah Rendah OKSB Kilanas	5.12.1987	Sabtu	3.15- 4.15 "
Kawasan Rumah Persatuan Kampong Tanah Jambu	6.12.1987	Ahad	9.00-10.00 "
Kampung Perpindahan Serasa	6.12.1987	Ahad	10.15-11.15 "
Di Hadapan Kedai Muara	6.12.1987	Ahad	11.30-12.00 tengah hari
Sekolah Rendah Lumapas	7.12.1987	Isnin	9.30-10.30 pagi
Sekolah Rendah Junjungan	7.12.1987	Isnin	9.00-10.00 pagi
Sekolah Rendah Panchor Murai	7.12.1987	Isnin	10.15-11.15 "
Sekolah Inggelis Berakas (Bhg Rendah)	7.12.1987	Isnin	2.00- 3.00 petang
Sekolah Agama Kampong Perpindahan Berakas	7.12.1987	Isnin	3.30- 4.30 "
Sekolah Rendah OKBI Subok	8.12.1987	Selasa	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Rendah Dato Mahawangsa Lambak Bolkiah Garrison	8.12.1987	Selasa	10.30-11.30 "
	8.12.1987	Selasa	10.00-11.00 "



ROMBONGAN kebudayaan Jepun juga mengadakan kunjungan muhibah kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Hussein. — Gambar oleh Harun Rashid.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.....Siri ke-409

SIAPA DIA AL-IMAM AL-MAHDI

Erti ilhad dan mutawahir:

DARI Anwaarul Quran:

1. Ilhad: Ialah iktikad kepercayaan yang condong daripada benar dan betul kerana ia menyalahi ijmak yang yakin atau maahuwa maklum minad diini bidhdharurat atau hadis yang mutawahir.

2. Ilhad pada Quran: Ialah mentafsirkan Quran yang menyalahi hadis Nabi atau menyalahi kaedah agama Islam atau menyalahi aqaaid kepercayaan Islam atau menyalahi maa huwa ma'lumun ninad diini bidhdharurat atau menyalahi ijmak.

3. Ilhad pada nama-nama Allah dan sifat-sifat-Nya: Ialah mentakwilkan nama-nama Allah itu atau sifat-sifat-Nya dengan erti atau tujuan yang tiada layak pada kesempurnaan Allah.

4. Mulhid: Ialah orang yang membuat sesuatu daripada yang tersebut.

5. Segala bahagian ilhad itu kufur semata-mata, tiada berguna Syahadat (Anlaa ilaaha illallahu wa anna muhammadan rasuulillah) bersama-sama ilhad itu, tiada faedah sembahyang, puasa, zakat dan haji bersama-sama ilhad.

6. Malaahidah: Ertinya orang-orang mulhid (banyak).

7. Orang yang mengerjakan ilhad, yakni orang mulhid itu seorang yang murtad, tiada mewarisi dan tiada diwarisi dan hartanya itu menjadi harta fauun (harta yang terserah kepada baitulmal), isterinya tertalak daripadanya, tiada boleh ditanam mayatnya di kubur orang Islam, tiada disembahyangkan ke atasnya, tiada harus bersedekah kerananya.

8. Mutawahir: Suatu khabar yang menceritakan darihal sesuatu yang telah diketahui dengan salah satu pancaindera, lagi dikhabarkan dia oleh suatu jemaah yang banyak, sekira-kira mustahil pada adat mereka itu sekata

pada membuat cerita bohong. Hukumnya pada syarak bahawa khabar atau hadis mutawahir itu memberitahu dan yakin hati dengan sendirinya (tiada payah dibantu oleh lain-lain keterangan atau qarinah). Membohongkan khabar atau hadis mutawahir itu hukumnya kafir pada syarak.

Maka dari itu membohongkan turunya Nabi Isa Alaihis Salam pada akhir zaman yang mutawahir, adalah kufur sebagaimana dalam Al-A'alaam bagi Al-Imam As-Sayuti, dalam At-Tasrihu lil kashmiiri dan Zaadul muslimi lil muhaddithi Ash-Shaikh Ash-Shinqiiti Rahimahullahu Taala.

Perkara Nabi Isa dan Ad-Dajal dan Al-Mahdi Al-Muntadzir:

Sayugia disiarkan kepada orang ramai perkara-perkara yang tersebut di atas supaya diketahui ramai dan terhindar segala salah pandang kepada mereka.

Berkata Abu Abdullah

yakni Al-Imam Ibnu Majah: Supaya mendengar Al-Imam Abal Hassan At-Tanaafisi berkata: Saya mendengar Al-Imam Abdul Rahman Al-Muhaaribi berkata: Sayugia diberikan hadis ini (Nabi Isa dan Ad-Dajal) kepada guru-guru supaya mereka mengajarkannya kepada kanak-kanak sekolah. Dari At-Tasrih.

Berkata Al-Allamah As-Saffarini dalam Syarah Nadzamiy dalam 'Aqaaid yang bernama Lawaami'ul asraail bahiyah: Sayugia tiap-tiap orang alim menyiarkan hadis-hadis perkara Ad-Dajal kepada kanak-kanak, perempuan-perempuan dan laki-laki, apatah lagi pada zaman kita ini timbul berbagai-bagai fitnah dalam perkara 'aqaaid dan lain dan banyak berlaku perkara karut, khurafat dan tiada kenalkan ajaran Allah dan perjalanan Rasul-Nya, dan perjalanan Rasulullah sebagai suatu bid'ah dan bid'ah itu sebagai suatu syarak yang mesti diikut sekarang. Tamat katanya.

Siri terakhir

Adapun doa yang Nabi kita Sallallahu Alaihi Wasallam mengajar sahabat-sahabat radhiyallahu anhum selepas tahiyat akhir sebelum Islam, dengan bersungguh-sungguh sebagaimana Baginda bersungguh-sungguh mengajar mereka akan Al-Fatihah dan lain-lain surat, ertinya: "Ya Allah bahawa hamba mohon berlindung dengan Tuhan hamba dari azab api neraka dan hamba mohon berlindung dengan Tuhan hamba dari azab kubur dan mohon berlindung dengan Tuhan hamba dari fitnah dan angkara dalam masa hidup dan dalam masa sudah mati."

fitnah dan angkara dalam masa hidup dan dalam masa sudah mati."

Kerana perkara-perkara ini penting dipohonkan perlindungan, bagi kebahagiaan umat Islam hidup di dunia dan di akhirat, sebab Rasulullah bersungguh-sungguh mengajar pada berlindung dari neraka dan azab fitnah hidup dan mati dan fitnah angkara Dajal pada tiap-tiap sembahyang.

Saya telah menulis dengan panjang dalam perkara Nabi Isa Alaihis Salam dan perkara Ad-Dajal dalam suatu fatwa saya bagi menjawab suatu soal, telah disiarkan di dalam bilangan berturut-turut 25 bertarikh 26 Rabiulawal 1395 Hijrah, sila baca di sana.

WALLAHUAKLAM



YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abd. Aziz, Mufti Kerajaan.

Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-WAKTU sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara dan Tutong mulai dari hari Rabu 2 Disember hingga ke hari Selasa 8 Disember, 1987 adalah seperti di bawah ini:—

HARI BULAN	ZUHUR		ASAR		MAGHRIB		ISYAK		IMSAK	SUBUH		MATAHARI TERBIT
	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir		Mulai	Berakhir	
Disember												
2	12.12	3.32	3.33	6.05	6.06	7.19	7.20	4.59	4.45	5.00	6.13	6.14
3	12.12	3.32	3.33	6.05	6.06	7.19	7.20	4.59	4.45	5.00	6.14	6.15
4	12.13	3.32	3.33	6.05	6.06	7.19	7.20	5.00	4.46	5.01	6.14	6.15
5	12.13	3.33	3.34	6.06	6.07	7.20	7.21	5.00	4.46	5.01	6.14	6.15
6	12.13	3.33	3.34	6.06	6.07	7.20	7.21	5.01	4.47	5.02	6.15	6.16
7	12.14	3.34	3.35	6.06	6.07	7.21	7.22	5.01	4.47	5.02	6.15	6.16
8	12.14	3.34	3.35	6.07	6.08	7.21	7.22	5.01	4.47	5.02	6.16	6.17

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit manakala bagi Daerah Temburong hendaklah dikurangkan satu minit tiap-tiap waktu.

Sembahyang fardu Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

LAGU-LAGU DAKWAH TERUS DIMINATI RAMAI

Oleh Zubaidah HS

GADONG. — Lagu-lagu yang berunsur dakwah semakin diminati walaupun mungkin ianya tidak sehebat lagu-lagu pop, tetapi lagu-lagu ini sering berkumandang dan dipersembahkan oleh belia dan beliawanis kita sama ada secara berkumpulan ataupun perseorangan.

Lebih-lebih lagi ketika ini pihak radio dan televisyen di negara kita, banyak membuat rancangan hiburan dalam ruangan lagu-lagu dakwah. Ini membantu lagu-lagu tersebut tidak tenggelam begitu saja.

Bercakap mengenai dengan lagu-lagu dakwah ini, Badan Tertinggi Agama Islam Pasukan Polis Diraja Brunei pada 21 November lepas telah menganjurkan Pertandingan Lagu-Lagu Dakwah antara cawangan pasukan tersebut.

Pertandingan yang bertema

'Berdakwah Sifat Mukmin Yang Sejati' telah disertai oleh lima pasukan lelaki dan lima pasukan wanita, dan ini merupakan kali ke-9 ianya diadakan.

Pasukan Cawangan 'B' lelaki iaitu dari Daerah Brunei-Muara telah muncul sebagai johan di pertandingan itu. Pasukan itu telah diketuai oleh Sarjan Hamid dengan tajuk lagu 'Keagungan Tuhan'. Sementara pasukan Cawangan 'A' telah muncul sebagai johan dalam bahagian wanita. Pasukan ini diketuai oleh Dayang Hajjah Asnah dengan lagu 'Wajah Yang Terang'.

Pasukan Cawangan 'E' dan 'D', masing-masing menduduki tempat kedua dan ketiga dalam bahagian lelaki. Manakala Cawangan 'C' dan 'D' memenangi tempat kedua dan ketiga dalam bahagian wanita.

Pihak penganjur telah memilih Pasukan Cawangan 'B' sebagai pasukan yang terbaik tahun ini dalam pertandingan tersebut.

Hadiah-hadiah kepada para pemenang di akhir pertandingan itu telah disampaikan oleh tetamu kehormat, Yang Berbahagia Penolong Pesuruhjaya Polis Kanan, Dato Seri Laila Jasa Haji Ismail bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abd. Rahim.

Persembahan lagu-lagu dakwah telah disampaikan oleh anak-anak polis Cawangan Polis Laut bagi menyirikan majlis itu.



PENOLONG Pesuruhjaya Polis Kanan, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ismail bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abd. Rahim menyampaikan hadiah kepada pasukan Cawangan 'B' yang memenangi tempat pertama bahagian lelaki dalam Peraduan Lagu-lagu Dakwah antara Cawangan Pasukan Polis Diraja Brunei.



JOHAN bahagian wanita iaitu pasukan Cawangan 'A' ketika mempersembahkan lagu-lagu dakwah.

BALASAN BAIK, JAHAT DITENTUKAN DENGAN NIAT

MARILAH kita sama-sama bertakwa ke hadirat Allah dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Dalam khutbah kali ini kita akan memperkatakan mengenai niat. Di dalam segala amal niat adalah mengambil peranan yang sangat penting kerana amal itu diterima Allah atau tidak adalah bergantung kepada niat.

Apa itu niat? Dalam istilah bahasa niat ialah qasad (tujuan hati) dan kehendak hati maka dengan adanya tujuan dan kehendak hati itu terjadilah suatu amal atau pekerjaan.

Ulama fiqh pula mengertikan niat ialah qasad (tujuan) mengerjakan sesuatu bersamaan dengan melakukan amal dan tempat niat itu adalah di hati.

Dalam istilah syarak pula niat ialah tergerak hati ke arah sesuatu pekerjaan untuk mencari keredaan Allah dan menyatakan perasaan tunduk dan patuh kepada perintah-Nya. Inilah yang dikatakan ikhlas atau kejujuran dalam melaksanakan amal.

Menurut pendapat ulama niat adalah bermaksud untuk menyatakan perbezaan antara amal ibadat dengan pekerjaan adat (biasa) atau untuk membezakan antara jenis-jenis ibadat itu sendiri.

Sebagai misal duduk di dalam masjid kerana berikhtikaf dan duduk di dalam masjid kerana berehat adalah sama, mandi kerana sesuatu kewajipan syarak dan mandi kerana kebiasaan adalah sama sahaja keadaannya, tetapi yang dapat membezakan antara keduanya ialah niat. Dengan niat kerana Allah, maka sesuatu perbuatan itu menjadi ibadat.

Tiga lagi ketua kampung dilantik

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan bagi lantikan Ketua-Ketua Kampung yang baharu mulai dari 1 November, 1987.

Ketua-ketua Kampung yang berkenaan ialah seperti berikut: —

Yang Mulia Awang Haji Sabli bin Radin, Ketua Kampong Pandan, Kuala Belait.

Yang Mulia Awang Abdul Rajak bin

Othman, Ketua Kampong Danau, Mukim Telisai, Tutong.

Yang Mulia Awang Haji Mokhtar bin Haji Sulaiman, Ketua Kampong Parit, Selangan dan Biang Menengah, Mukim Amo, Temburong.


Surat-surat lantikan bagi Ketua-Ketua Kampung yang berkenaan telah pun disampaikan oleh Pegawai Daerah di satu majlis baru-baru ini di daerah-daerah yang berkenaan.

Gadis Filipina memeluk Islam



TEMBURONG. — Seorang lagi gadis Filipina memeluk agama Islam di negara ini. Beliau ialah Erlinda L. Liva, 21 tahun telah melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim bin Akim di satu majlis yang berlangsung di Kampong Seri Belayang di sini baru-baru ini.

Erlinda L. Liva kini dikenali sebagai Dayang Noorhannah binti Abdullah. Majlis tersebut diserikan dengan zikir marhaban dan telah dihadiri oleh beberapa orang pegawai kerajaan termasuk dari Kementerian Hal Ehwal Ugama.



Begitu juga sembahyang, puasa dan sedekah yang wajib sama sahaja keadaannya dengan sembahyang, puasa dan sedekah yang sunat semuanya dinamakan ibadat, tetapi yang dapat membezakan antara jenis dan martabatnya ialah niat atau qasad orang yang melakukan ibadat itu.

Sepertimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bermaksud:

"Sesungguhnya segala amal bergantung kepada niat dan sesungguhnya tiap-tiap seseorang itu bergantung apa yang diniatkan."

Sesuai dengan apa yang diterangkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis itu bahawa segala amal adalah niat. Maka niat itu tentulah mempunyai tujuan dan maksud, kerana di sinilah terletak balasan baik atau jahat. Seseorang itu mendapat balasan, sebanding dengan apa yang telah diniatkannya menurut iktibar dan pilihan hatinya sendiri misalnya suatu amal ibadat seperti sembahyang yang wajib atau sunat baru dianggap sah serta diterima dan diberikan balasan sekiranya niat asal mendirikan sembahyang itu kerana Allah Taala. Inilah yang dinamakan ikhlas yang menjadi jiwa sesuatu amal dan amal yang seperti inilah yang diperintahkan Allah dalam firman-Nya ayat 5 Surah Al-Baiyinah yang bermaksud:

"Dan tidak diperintahkan mereka melainkan supaya mereka menyembah Allah dengan mengikhlasakan agama kerana-Nya dengan menjauhi segala kesesatan, dan supaya mereka mendirikan sembahyang dan memberikan zakat, kerana yang demikian itulah agama yang lurus."

Tegasnya niat yang tersebut di hati ialah punca yang menentukan akibat amal, baik amal itu kalau niatnya baik dan jahat amal itu kalau niatnya jahat. Sekalipun amal itu sendiri pada akhirnya baik dan bagus malah niat itu pula ada-kalanya dapat mengubah sesuatu amal yang biasa menjadikan suatu jenis ketaatan dan jalan untuk mendampingi diri kepada Allah Taala.

Akan tetapi hendaklah diambil perhatian dan ingatan bahawa ada beberapa sebab yang boleh merosakkan amal kita. Antaranya ialah sikap kehairanan atau kagum dengan amal perbuatan sendiri, berlaku sombong dan bersikap ria. Di dalam hal ria pernah Sayidina Omar Radhiallahu Anhu berkata kepada Muaz bin Jabal, pada ketika itu Muaz sedang menangis, "Mengapa engkau menangis?" Muaz menjawab: "Kerana ada hadis yang aku dengar dari Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mengatakan bahawa sedikit sahaja ria itu adalah syirik."

Dan Al-Imam Al-Ghazali pula ada menerangkan bahawa sekutu pada amal yang menghilangkan pahala ialah sekutu dengan perasaan ria.

Oleh itu haruslah kita beringat dalam mengerjakan segala amal, niat hendaklah bulat kerana Allah jangan bersimpang-simpang kerana niat yang bersimpang boleh merosakkan amal kita.

Jauhi daripada perkara-perkara yang tidak memberi faedah

BAGI penganut-penganut Agama Islam, selain dari membuat atau melakukan perintah-perintah agama dan menjauhi larangannya, ada lagi perkara lain yang harus dipatuhi, kiranya seseorang itu ingin mencapai darjat sebagai Muslim yang benar-benar sempurna atau sejati. Islam bukanlah setakat mengucapkan syahadat, mendirikan sembahyang, mengerjakan puasa, mengeluarkan zakat dan menunaikan Haji; ataupun setakat mengenal Tuhan dengan segala sifat-sifat-Nya yang wajib, yang mustahil dan yang harus, kemudian mempercayai pada Malaikat-Nya, jumlah kitab-kitab-Nya, para Rasul-Nya, Hari Kiamat yang dijanjikan-Nya di mana di kala itu akan diperhitungkan segala kebaikan atau keburukan hamba-hamba-Nya dan Qada dan Qadar-Nya. Bukan setakat itu sahaja, tetapi sebaliknya ada banyak lagi hal-hal bagi penganut-penganut agama Islam harus mematuhi.

Di antara perkara yang harus diperhatikan oleh penganut-penganut Islam ialah akhlak Islam yang terpuji serta budi pekertinya yang luhur. Kerana akhlak dan budi pekerti itu tiada satu apapun yang dapat menandinginya. Kerana itu dalam satu maksud firman Allah dalam Surah Al-Ahzab ayat 21 yang kira-kira bererti: *"Bahawa sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu adalah contoh teladan bagi sekalian penganut-penganut Islam."* Ini dapatlah dimaksudkan iaitu akhlaknya, segala budi pekertinya, segala gerak-gerinya, segala amalannya dan segala perbuatannya: semua itu harus diteladani atau dicontohi bagi kita kaum Muslimin, kiranya kita mahu dijumlahkan ke dalam golongan Muslim yang sempurna atau Muslim sejati.

Kerana itu dalam menentukan kedudukan akhlak dan budi pekerti ini, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam memberikan banyak peringatan atau tunjuk-ajar bagaimana seseorang itu menjadikan dirinya seorang yang berakhlak dan berbudi pekerti yang murni, yang antaranya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menganjurkan supaya kaum Muslimin jangan mencampuri perkara-perkara yang tidak kena-mengena dengan dirinya, ataupun yang tidak mendatangkan faedah sesuatu pun kepada dirinya, seperti-mana hadis Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh At-Termizi dari Abu Hurairah Radhiallahu Anhu bahawa telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang kira-kira

Menuju Keredaan Allah

maksudnya: "Adalah sebaik Islamnya seseorang itu ialah meninggalkan barang yang tiada berguna kepadanya."

Daripada maksud hadis tersebut, nyatalah ianya salah satu dari teladan perjalanan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang mana Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam berpesan agar kita umat Muslimin jangan melibatkan diri ke dalam perkara-perkara yang tidak ada gunanya atau tidak kena-mengena dengan diri kita, supaya kita terselamat dari angkara yang mungkin timbul darinya. Mematuhi pesanan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu adalah wajib bagi setiap orang yang mengaku dirinya Islam dan menghormati ajaran-ajaran Islam, kerana setiap pesanan dan arahan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah suatu pelajaran bagi kaum Muslimin dan suatu petunjuk yang membimbing kita ke jalan yang terselamat; iaitu jalan yang diredai oleh Allah Subhanahu Wataala dan Rasul-Nya.

Selain dari itu, apakah gunanya seseorang itu mengambil tahu kepada sesuatu yang tiada bersangkutan apa pun dengan dirinya? Sedangkan perkara-perkara yang ada berkaitan dengan dirinya sendiri masih banyak lagi yang patut diberikan perhatian kepadanya, yang mana tentu sekali akan mendatangkan faedah bagi seseorang itu di dunia dan akhirat kalau ia menyelesaikan masalah atau urusan-urusan dirinya sendiri. Sebab itulah agama Islam mencegah umatnya dari mencampuri hal-hal yang tidak berhak pada diri seseorang Islam itu, kerana dengan mencampuri hal yang tidak kena-mengena itu, nescaya akan mencetuskan berbagai fitnah dan bahaya di samping meretakkan hubungan baik yang dianjurkan oleh agama Islam yang maha suci kepada seluruh penganutnya.

Dari itu kita sebagai umat Islam haruslah mengelakkan dan membisakan keislaman kita iaitu dengan melakukan amalan yang sempurna dan niat yang suci, menjauhi perkara yang tidak membawa kepada manfaat kepada diri sesuai dengan kehendak agama serta mengerjakan perkara yang ada faedahnya dan kebajikannya.

Kunjungan mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN. — Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, berkenan menerima kunjungan mengadap Duta Besar Jepun yang baru ke negara ini, Tuan Yang Terutama Tuan Ichiro Ohtaka, pada 21 November lepas.

Tuan Yang Terutama Tuan Ichiro Ohtaka, 55, yang berkelulusan undang-undang menggantikan Tuan Yang Terutama Tuan Tomoya Kawamura.

Tuan Yang Terutama Tuan Ichiro Ohtaka telah menyebarkan surat perantaraan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pada 12 November lepas di Istana Nurul Iman.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri menerima kunjungan mengadap Duta Besar Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Tuan Ichiro Ohtaka di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

Konsep produktiviti dan kualiti perlu diamalkan

Dari muka 2

Segala rancangan kemajuan negara akan dapat diselesaikan dengan lebih awal lagi dengan mutu yang dapat diterima dengan harga yang berpatutan.

Perkhidmatan atau service yang kita berikan kepada jabatan-jabatan kerajaan lain, pihak swasta dan orang ramai akan lebih efisien serta memuaskan.

Jika perkara ini dapat kita capai maka kita tentulah akan dapat mengukuhkan pertumbuhan ekonomi negara, dan meningkatkan lagi kepercayaan dan penghargaan pihak-pihak swasta dan orang ramai kepada kita yang dapat menimbulkan suasana harmoni di antara kerajaan dengan rakyat serta pihak swasta.

Dari itu, produktiviti dan kualiti dapat menghasilkan profit atau keuntungan kepada syarikat, produktiviti dan kualiti dapat menghasilkan profit atau keuntungan kepada syarikat, produktiviti dan kualiti pula dapat mengukuhkan ekonomi negara dan menghasilkan suasana harmoni jika konsep-konsep produktiviti dan kualiti itu diamalkan oleh jabatan-jabatan di Negara Brunei Darussalam.

Kita juga seterusnya mungkin bertanya apakah caranya untuk melaksanakan konsep produktiviti dan kualiti itu? Jalan untuk melaksanakannya telah pun kita ketahui iaitu sama ada dengan cara Management By Objective (MBO) atau konsep Zero Defect yang mana perkara-perkara ini telah pun diperkenalkan kepada semua jabatan-jabatan di Kementerian Pembangunan dan telah pun mulai digunakan oleh pegawai-pegawai kita yang berkenaan. Cara lain yang boleh kita gunakan ialah dengan menggunakan Quality Circle yang juga mempunyai tujuan yang sama. Apapun cara yang kita gunakan untuk mencapai produktiviti dan kualiti iaitu baik dengan cara Management by Objective (MBO), konsep Zero Defect atau Quality Circle, kita haruslah memestikan yang seluruh kakitangan jabatan harus ikut serta dalam melaksanakan konsep produktiviti dan kualiti ini. Pelaksanaan secara kumpulan harus digalakkan untuk mencapai kata sepakat atau consensus, cohesion serta komitmen di antara kakitangan yang terlibat. Semua ketua-ketua bahagian dan ketua-ketua pejabat haruslah sentiasa memberikan galakan, memimpin dan memberikan apa jua nasihat dan bantuan yang bersesuaian kepada semua kumpulan-kumpulan yang melaksanakan produktiviti dan kualiti ini supaya kerja-kerja mereka akan dapat berjalan dengan baik dan berjaya. Kita juga harus mengangap dan melaksanakan konsep produktiviti dan kualiti itu adalah salah satu tugas kita dan dalam melaksanakan tugas itu, kita mestilah melakukannya dengan penuh kesedaran, dedikasi, tanggungjawab dan kemahiran.

Sekianlah ucapan saya pada hari ini dan sebelum saya mengundurkan diri, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Jawatankuasa Produktiviti dan Kualiti, Kementerian Pembangunan kerana telah berjaya mengukuhkan konsep produktiviti dan kualiti ini di Kementerian Pembangunan dalam melaksanakan tugas-tugas kita bagi membangun Negara Brunei Darussalam yang sama-sama kita cintai ini.

Dan dengan mengucapkan kalimat Bismillahir Rahmanir Rahim saya rasmikan pelancaran Kempen Produktiviti dan Kualiti, Kementerian Pembangunan ini.

SENI LUKIS BOLEH DIJADIKAN SUMBER PENDAPATAN

Oleh Dk. Fatimah PHMN

JALAN MUARA. — Ketua Pegawai Hal Ehwal Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Talib bin Haji Beruddin menyarankan supaya kegiatan seni lukis dan kerja tangan bukan hanya terhad dalam kegiatan sekolah lebih berkesan lagi jika kegiatan ini dilaratkan di rumah masing-masing.

Kerajinan dalam kegiatan ini akan memberikan kemahiran serta sesudah dewasa kelak akan membantu mendapatkan sumber kewangan.

Awang Talib juga menyeru agar lukisan yang diterapkan kepada murid-murid hendaklah berunsur kebudayaan orang-orang Brunei, tempat-tempat alam semula jadi yang bersejarah yang tidak dapat dilihat lagi pada masa yang akan datang disebabkan arus pembangunan dan kerja tangan yang dulunya wujud dalam lingkungan tahun 50-an di tiap-tiap sekolah.

Ke arah menanamkan semangat minat murid-murid bukanlah hanya diserahkan bulat-bulat kepada guru-guru di sekolah malah ibu bapa juga mempunyai peranan yang lebih berkesan dalam memimpin anak-anak mereka lebih-lebih lagi ibu bapa yang mempunyai latar belakang akademik.

"Setelah ada minat tertanam pada diri mereka, dapatlah secara berperingkat-peringkat diberikan cara-cara yang lebih baik dengan memberikan latihan kemahiran dalam mana-mana bidang yang dominasinya di samping mata pelajaran yang lain," katanya.

Melalui pameran ini, Awang Talib berharap supaya rupa akan terus dimajukan bagi membentuk generasi muda yang mempunyai daya kreatif, berbudaya, bermoral tinggi dan beradab sopan.

Sebanyak 1,650 buah lukisan yang menggambarkan lukisan alam benda, gubahan fikiran, alam semula jadi, kerja tangan (tampalan) dan tulisan jawi. Ianya dimasukkan dalam 3 kumpulan iaitu:

Kumpulan A di antara 6-7 tahun, kumpulan B di antara 8-9 tahun, dan kumpulan C 10 ke atas.

Menurut pihak penganjur sebanyak 55 buah sekolah telah menyertainya iaitu Brunei I, II, III dan IV.

Sekolah Rendah Mabohai menjadi johan bagi sekolah-sekolah rendah Brunei I, naib johan jatuh kepada Sekolah Rendah Lela Menchanai manakala Sekolah Rendah Sungai Siamas mendahului

tempat ketiga.

Bagi Brunei II, tempat pertama ialah Sekolah Rendah Dato Mahawangsa Lambak, kedua ialah Sekolah Rendah Anggerek Desa dan ketiga ialah Sekolah Rendah Pantai Berakas.

Sekolah Rendah Sengkunng menjadi johan bagi sekolah-sekolah rendah Brunei III. Naib johan ialah Sekolah Rendah Mulaut dan Sekolah Rendah Kiarong tempat ketiga.

Bagi Brunei IV Sekolah Rendah Masin memenangi tempat pertama, kedua ialah Sekolah Rendah Menunggul, tempat ketiga pula jatuh kepada Sekolah Rendah Pulau Baru-Baru.



KETUA Pegawai Hal Ehwal Belia dan Sukan, Awang Talib bin Haji Beruddin menyampaikan hadiah kepada Guru Besar Sekolah Rendah Masin yang memenangi tempat pertama bagi sekolah-sekolah rendah Brunei IV. — Gambar oleh Harun Rashid.

Bangunan perpustakaan yang baru

KUALA BELAIT. — Bagi kemudahan kanak-kanak, belia-belia serta masyarakat umum di sini, Dewan Bahasa

dan Pustaka menyediakan sebuah lagi bangunan perpustakaan yang terletak di Jalan Bolkiah, di Pekan Seria.

Bangunan tersebut adalah dihasratkan supaya belia-belia terutama penuntut-penuntut sekolah akan lebih melibatkan diri mereka di bidang bacaan, membuat rujukan di samping menambatkan ilmu pengetahuan dan apa jua yang memberi manfaat kepada mereka.

Perpustakaan baru itu juga dihasratkan akan dapat menampung keperluan ahli-ahlinya yang semakin bertambah setiap tahun dan juga keperluan orang ramai serta penuntut-penuntut sekolah terutama di musim peperiksaan penggal ketiga. Bangunan tersebut dijangka akan digunakan pada awal tahun depan.

Dalam hubungan itu satu majlis penyerahan bangunan tersebut telah dilangsungkan pada 19 November lepas. Penyerahan tersebut dilakukan oleh Awang

Hamidon bin Haji Tahir, Pemangku Jurutera Kerja Kanan JKR Kuala Belait kepada Awang Ahmad bin Haji Md. Yassin, Pegawai Pentadbir DBP.

Bangunan tersebut dibina di atas tapak seluas 0.6075 hektar dengan menelan belanja lebih kurang \$845,000 serta boleh menampung seramai 2,000 orang. Pembinaannya adalah salah satu projek rancangan Kemajuan Negara Ke-5 dan ianya dibina pada bulan April tahun lalu dan siap bulan September tahun ini.

Antara kemudahan yang terdapat di bangunan itu termasuk bilik serbaguna, perpustakaan kanak-kanak, bilik membaiki buku-buku yang rosak, bilik awam, stor penyimpanan buku, pejabat dan tempat pembayaran di samping disediakan pula kemudahan 22 buah petak letak kereta.



AWANG Ahmad Pegawai Pentadbir DBP menerima penerangan mengenai plan bangunan perpustakaan oleh Awang Hamidon, Pemangku Jurutera Kerja Kanan (terselindung). — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.

Askar simpanan ditubuh bagi penuhi keperluan pertahanan negara

Dari muka 1

Brunei pada masa darurat: menanamkan perasaan cinta-tan bangsa, agama, negara dan raja dan sentiasa bersedia menabur jasa bila saja dikehendaki dan melatih diri di dalam mempertingkatkan disiplin, ketahanan dan keberibadian bangsa.

Syarat-syarat perkhidmatan, sabda Yang Amat Mulia, seperti yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia iaitu semua rakyat yang diiktirafkan sihat di dalam lingkungan yang dikira aktif adalah mempunyai tanggungjawab dalam memelihara keselamatan dan pertahanan negara.

Dalam hubungan tersebut Yang Amat Mulia bersabda bahawa secara khusus terdapat dua skim perkhidmatan dalam Pasukan Askar Simpanan Melayu Diraja Brunei:

* Askar simpanan secara wajib: Ini adalah terdiri dari bekas anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang telah menamatkan perkhidmatan lima tahun dan menurut akta ABDB mereka diwajibkan untuk memberikan perkhidmatan simpanan selama lima tahun.

* Askar simpanan secara sukarela: Ditujukan kepada semua rakyat lelaki Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang diiktiraf sihat dan umur mereka setakat ini tidak kurang daripada 17½ tahun dan tidak melebihi 45 tahun bagi pegawai dan 40 tahun bagi lain-lain pangkat.

Semua ahli askar simpanan, jelas Yang Amat Mulia dikehendaki menjalani satu latihan sekurang-kurangnya selama 15 hari dan tidak melebihi dari 30 hari dalam setahun. Sementara bagi bakal askar simpanan secara sukarela satu kebenaran daripada majikan mereka adalah diperlukan.

Mengenai kemudahan yang diterima oleh bakal-bakal askar simpanan, Yang Amat Mulia memberitahu seperti juga perajurit Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, mereka akan menerima peruntukan seperti pakaian, makan, minum, tempat tinggal dan rawatan perubatan daripada markas simpanan selama di dalam panggilan berkhidmat termasuk masa latihan. Selain daripada itu mereka juga akan menerima elaun mengikut pangkat dengan kadar yang akan ditentukan di dalam satu peraturan gaji dan elaun.



SETIAUSAHA Tetap Dasar dan Pentadbiran Kementerian Pertahanan, Dato Paduka Awang Mohd. Alimin bin Hj. Abdul Wahab selaku wakil peribadi Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral Pengiran Haji Ibnu, Timbalan Menteri Pertahanan di majlis perasmian penubuhan Askar Simpanan Melayu Diraja Brunei baru-baru ini. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.



SEBAHAGIAN daripada bekas anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang membuat pendaftaran. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

Menteri Perhubungan lawat dua buah sekolah memandu

Oleh Haniza Abdullah



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz, Menteri Perhubungan dengan disertai oleh Dato Paduka Awang Haji Chuchu, Setiausaha Tetap Kementerian tersebut dan Pengawal Kenderaan Darat, Awang Haji Kassim ketika melawat Sekolah Memandu Shak Enterprise. — Gambar oleh Haji Sharbini Taha.

LAMBAK. — Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz, telah melawat dua buah sekolah memandu sementara di Daerah Brunei dan Muar pada 27 November lalu.

Sekolah yang pertama dikunjungi oleh Yang Berhormat ialah Syarikat Shalfa di Lambak. Ketibaan Yang Berhormat di sini dialu-alukan oleh Pengurus syarikat itu, Dayang Hajjah Fatimah binti Dato Paduka Matnor.

Sekolah Memandu Syarikat Shalfa mula dibuka pada awal bulan lalu dan kini mempunyai keramaian 57 orang penuntut. Di sini mereka diajar secara berkurikulum sebelum menjalani ujian undang-undang dan seterusnya diajar secara praktikal untuk mendapatkan lesen memandu.

Dari Syarikat Shalfa, Yang Berhormat mengunjungi Sekolah Memandu Shak Enterprise bertempat di Bangunan Haji Daud Jalan Gadong, Shak Enterprise mempunyai 30 orang penuntut juga diajar secara teori dan praktikal untuk menjadi pemandu yang benar-benar berkelakayan.

Penubuhan sekolah memandu di negara ini adalah berikutan atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi mewujudkan satu undang-undang bagi penubuhan Sekolah Mengajar Memandu yang membolehkan semua jurulatih memandu mendapat latihan-latihan tertentu secara berkurikulum.

Dengan adanya sekolah ini diharapkan akan dapat mengeluarkan pemandu-pemandu kenderaan yang terlatih dan lebih sempurna dengan demikian insya-Allah sedikit sebanyak akan dapat mengurangkan bilangan kemalangan-kemalangan jalan raya di negara ini.

Lawatan singkat pada hari tersebut disertai oleh Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Awang Haji Chuchu bin Panglima Asgar Dato Paduka Awang Haji Abdullah, beserta pegawai-pegawai di Kementerian Perhubungan dan pegawai-pegawai di Pengangkutan Darat.

KUKUHKAN K'SAMA DI BIDANG KEPUSTAKAWANAN

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Rancangan Pertukaran Pustakawan ASEAN yang diadakan di sini akan dapat menyatukan pustakawan-pustakawan dari rantau ASEAN dengan berobjektifkan ke arah memperkukuhkan persefahaman dan kerjasama serantau dalam bidang perpustakaan dan kepustakawan.

Pegawai Pentadbir Kanan yang menjalankan tugas-tugas Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Haji Alauddin berkata kita semua mempunyai peranan masing-masing untuk mempereratkan hubungan di kalangan rakyat ASEAN.

Dalam hubungan itu, Pengiran Haji Alauddin sukacita mengalu-alukan delegasi dari negara-negara ASEAN yang menyertai rancangan tersebut.

Seminar sehari yang berlangsung di Dewan Serbaguna Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan pada hari Ahad 22 November lalu disertai oleh lebih 80 orang pustakawan-pustakawan dari negara-negara ASEAN atas anjuran ASEAN-COCI.

Selain daripada menghadiri seminar, mereka juga dibawa melawat ke beberapa buah perpustakaan di negara ini, sesuai dengan objektifnya untuk pertukaran pengalaman dalam pengurusan sistem dan amalan perpustakaan di kalangan negara-negara ahli dan untuk menggunakan pengalaman bagi faedah

setiap negara ahli dalam perkembangan sistem perpustakaan masing-masing.

Ini adalah kali pertama ASEAN menganjurkan rancangan mengenai perpustakaan. Rancangan pertukaran pustakawan ASEAN ini mula diadakan di Indonesia pada September lalu dan di negara kita pada bulan November. Sementara pada tahun 1988 ianya akan diadakan di Malaysia dan Filipina dan seterusnya di Singapura dan Thailand pada tahun 1989.

Majlis perasmian pagi itu telah dimulakan dengan ucapan alu-aluan dari Pengerusi Rancangan, Haji Ahmad Kadi, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam. Juga hadir di majlis itu ialah Wakil Tetap ASEAN-COCI, Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani, pegawai-pegawai kanan kerajaan serta ahli-ahli jawatankuasa Rancangan Pertukaran Pustakawan ASEAN.

Perkhidmatan Kiriman Wang Biasa ke Manila

ADALAH dengan ini dimaklumkan untuk pengetahuan orang ramai bahawa Perkhidmatan Kiriman Wang di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Filipina akan diadakan mulai dari 1 Disember, 1987. Perkhid-

matan ini hanya terhad kepada Kiriman Wang Biasa sahaja. Had maksima bagi tiap-tiap satu kiriman ialah sejumlah B\$400.00 dalam matawang Brunei. Butir-butir yang lebih lanjut untuk perkhidmatan ini boleh diperolehi di semua Pejabat pejabat Pos.

JAUH perjalanan luas pengalaman, demikianlah halnya dengan orang yang suka membaca, banyak membaca meluaskan ilmu pengetahuan. Membaca yang dimaksudkan di sini ialah apa saja bahan bacaan yang boleh mendatangkan ilmu pengetahuan kepada diri kita. Ianya bukan saja khusus kepada buku-buku pelajaran, tetapi juga buku-buku umum, majalah, surat-surat khabar dan sebagainya.

Orang yang banyak membaca sudah tentu banyak ilmunya, alangkah ruginya mereka yang tidak tahu membaca atau buta huruf. Kerana kehidupan masa kini menuntut membaca bukan saja merupakan suatu keperluan untuk mendapat ilmu pengetahuan, tetapi juga ianya sebagai alat komunikasi yang memudahkan kita berurusan, berhubung, mendapat maklumat dan sebagainya.

Melihat kepentingannya yang jitu, adalah wajar sikap gemar membaca itu ditanam dan disemai pada kanak-kanak. Kerana peringkat kanak-kanak adalah masa yang paling baik untuk meresapkan apa jua didikan dan nilai-nilai hidup yang baik dan berguna untuk ia menjalani hidup dewasanya kelak. Bak kata pepatah "melentur buluh biarlah masa rebung."

Dewan Bahasa dan Pustaka melalui bahagian perpustakaan selaku pihak yang sama-sama bertanggungjawab dalam usaha menggalakkan sikap gemar membaca ini, di samping guru-guru di sekolah dan ibu bapa sendiri beberapa langkah telah diusahakan bagi menarik minat orang ramai supaya sikap gemar membaca itu dapat dijadikan sebahagian dari cara hidup atau budaya kita.

Mungkin ramai yang masih beranggapan bahawa perpustakaan itu hanya sebagai tempat meminjam buku-buku sahaja. Sebenarnya perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah mengorak langkah dengan memberikan perkhidmatan yang lebih berkesan dan meluas iaitu dengan cara memperkenalkan perpustakaan kepada seluruh masyarakat baik di bandar mahupun kepada penduduk luar bandar.

Perpustakaan Bergerak sudah lama menjelajah ke kampung-kampung dengan mengadakan pusat-pusat perhentian seperti di sekolah-sekolah, balai-balai raya atau di bangunan-bangunan kerajaan yang lain bagi memudahkan orang ramai mengunjunginya. Walaupun perkhidmatannya perpustakaan bergerak ini perkhidmatannya agak terhad kerana tidak dapat membawa semua jenis-jenis buku yang ada di perpustakaan, namun sambutan orang ramai amat menggalakkan. Terutamanya mereka yang tidak ada kesempatan mengunjugi perpustakaan di ibu negara.

DBP juga telah membuka cawangan perpustakaan di daerah-daerah lain bagi menampung keperluan dan memudahkan orang ramai berjinak-jinak dengan perpustakaan. Baru-baru ini sebuah bangunan kerajaan telah diserahkan kepada DBP untuk menempatkan cawangan perpustakaan di Setia.

Selain daripada itu, Perpustakaan DBP juga sekarang sedang bergiat mengadakan "Taman Bertuturan Bergerak". Rancangan ini dilancarkan dengan rasminya pada 12 Ogos, 1987 di Sekolah Melayu Kampong Masin di Daerah Brunei-Muara oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abd. Rahman, Setiausaha Kerajaan pada masa itu (sekarang Menteri Pelajaran).

Rancangan ini dikelolakan oleh Bahagian Perpustakaan Kanak-kanak DBP dan sasarannya pula ialah kanak-kanak. Kerana kanak-

Gerakan Budaya Membaca: LAHIRKAN MASYARAKAT BERILMU DAN MAJU

OLEH TIMBANG BAKAR

kanak harus digalakkan dan dipujuk supaya rajin membaca dan mereka sewajarnya pula diperkenalkan dengan perpustakaan sebagai satu tempat untuk menimba ilmu pengetahuan. Ini penting, kerana jika tidak dididik menggunakan perpustakaan dan berjinak-jinak dengan buku semasa kanak-kanak, apabila mereka dewasa nanti tabiat suka membaca tidak akan tumbuh di jiwa mereka.

Antara lain tujuan Taman Bertuturan Bergerak ini ialah:

- *Menyemai dan menggalakkan minat membaca di kalangan kanak-kanak.
- *Membimbing kanak-kanak menggunakan masa lapang dengan perkara-perkara yang berfaedah
- *Mendorong kanak-kanak supaya menyukai buku, kerana buku-buku adalah sumber ilmu pengetahuan dan boleh juga memberi keseronokan.
- *Menanamkan kesedaran kepada masyarakat khususnya ibu bapa tentang pentingnya perpustakaan kepada kanak-kanak mereka.

Format persembahan Taman Bertuturan Bergerak juga bukan saja menekankan betapa pentingnya buku-buku kepada mereka, tetapi juga menekankan betapa mustahaknya mereka berkebolehan dalam satu-satu bidang yang mereka sukai dan bidang kerjaya yang boleh mereka ceburi termasuklah bidang seni seperti nyanyian, tarian, teater dan sebagainya. Ini secara tidak langsung mendidik kanak-kanak bahawa membaca buku-buku itu bukan semata-mata untuk lulus dalam peperiksaan.

Selain kanak-kanak dan orang dewasa satu lagi golongan masyarakat yang amat penting ialah belia atau muda-mudi. Belia harapan bangsa, pemuda tiang negara. Betapa besar dan tinggi harapan bangsa dan negara yang diletakkan di atas bahu para belia. Kerana golongan belia hari ini adalah bakal pemimpin hari esok. Para belia juga disifatkan sebagai 'aset' atau harta yang dipertaruhkan untuk masa depan negara yang bakal memikul tanggungjawab untuk menerajukan negara.

Lantaran itulah para belia mesti dilengkapkan dan dibekalkan dengan ilmu pengetahuan yang cukup dan didikan yang sempurna.

Di samping didikan formal, pendidikan secara informal juga banyak disediakan dan diberikan kepada kaum belia. Perpustakaan DBP sebagai salah sebuah institusi yang bertanggungjawab dalam mengembangkan ilmu pengetahuan kepada masyarakat telah memainkan peranannya dengan menubuhkan Perkhidmatan Perpustakaan Muda-Mudi. Bahagian perpustakaan ini telah mengatur beberapa program untuk menarik minat muda-mudi menggunakan perpustakaan dan seterusnya sentiasa berjinak-jinak dengan buku. Kerana buku adalah 'teman' yang paling baik.

Ke arah menuju cita-cita dan matlamat yang lebih jauh, perkhidmatan tersebut telah melancarkan satu program yang dinamakan "Gerakan Budaya Membaca." Bila saja disebut budaya sekaligus kita memahaminya sebagai



NYANYIAN beramai-ramai lagu 'Gerakan Budaya Membaca' oleh ahli-ahli Perkhidmatan Perpustakaan Muda-Mudi diharap menambahkan minat ke arah budaya membaca di kalangan para pelajar. — Gambar oleh Harun Rashid.

amalan atau perbuatan yang dipraktikkan atau dipakai yang lebih dikenali sebagai cara hidup. Bolehkah membaca itu dijadikan sebagai cara hidup? Apa pun alasan yang diberikan jawapannya pasti boleh. Contohnya banyak dan buktinya juga ada di mana-mana.

Membaca yang dimaksudkan di sini ialah membaca apa saja bahan-bahan bacaan yang boleh memberikan pengetahuan kepada kita bila-bila saja ada masa terluang; sambil minum kopi, sambil makan, di perhentian bas, dalam kapal terbang, di taman bunga, sambil berehat-rehat di tepi pantai atau di mana-mana saja, asalkan masa kita yang kosong itu tidak berlalu begitu saja tanpa diisikan dengan perbuatan yang bermanfaat yang sekaligus menanamkan ilmu pengetahuan kita. Bila ini telah menjadi sikap kita, maka masyarakat kita akan menjadi masyarakat yang berilmu.

Masyarakat yang berilmu adalah masyarakat yang maju. Contohnya yang paling ketara ialah Negara Jepun; rakyatnya 75 peratus gemar membaca, mereka membaca di mana-mana saja asalkan ada kesempatan dan membaca apa saja bahan-bahan bacaan yang boleh mendatangkan pengetahuan kepada mereka. Mengikut satu laporan, setiap buku yang baru terbit di Eropah seminggu kemudian buku tersebut ada dijual di Jepun dalam cetakan terjemahan ke Bahasa Jepun. Ini membuktikan bahawa sikap gemar membaca itu telah menjadi budaya orang-orang Jepun.

Kemudian kita lihat pula kemajuan yang telah dicapai oleh Negara Jepun terutamanya di bidang ekonomi dan industri.

Dunia telah mengagumi Jepun bukan kerana 'Samurai' atau 'Ninja'-nya, tetapi kerana kecerdasan dan kekuatan ekonominya. Sehingga negara-negara Eropah dan kuasa-kuasa besar seperti Amerika Syarikat yang dulunya menjadi gergasi yang menguasai ekonomi dunia, kini menyalahkan Jepun apabila negara mereka dilanda kemerosotan ekonomi disebabkan tidak seimbangnyanya perdagangan dengan Jepun. Nilai mata-matawang mereka turun dan Yen Jepun meningkat di pasaran dunia.

Kita kembali kepada gerakan budaya membaca di negara kita yang dilancarkan pada 11 Disember, 1983 di Sekolah Melayu Delima 1, Jalan Muara oleh Yang Berhormat Pehin Orang

Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri.

Matlamat gerakan budaya membaca ini antara lain ialah:

- *Memupuk minat membaca di kalangan muda-mudi.
- *Menggalakkan penggunaan perpustakaan secara lebih meluas.
- *Melatih dan mendidik muda-mudi menjadi seseorang yang berdisiplin dan bertanggungjawab.
- *Mengisi masa lapang dengan perkara-perkara yang berfaedah dan berkebakikan.

Setakat ini, gerakan budaya membaca ini telah dilancarkan ke sekolah-sekolah dengan harapan dapat diserapkan kepada penuntut-penuntut sekolah yang merupakan golongan muda-mudi yang paling ramai.

Menurut pegawai yang mengendalikan Gerakan Budaya Membaca ini sambutan dari muda-mudi adalah baik, tetapi masih memerlukan ramai lagi penglibatan muda-mudi. Mengikut catatan yang dikeluarkan oleh Perpustakaan Muda-Mudi ramai pembacanya sejak gerakan itu dilancarkan ialah 16,966 pembaca Melayu dan 1,681 pembaca bukan Melayu bagi tahun 1986. Mulai Januari hingga Oktober 1987 jumlah pembacanya ialah 11,568 pembaca Melayu dan 1,097 pembaca bukan Melayu.

Cuti sekolah bagi penggal akhir menjelang tiba, adalah wajar kesempatan itu digunakan oleh penuntut-penuntut sekolah untuk berkunjung ke perpustakaan sama ada untuk membaca buku di sana atau meminjam buku. Ibu bapa atau penjaga penuntut juga seharusnya menggalakkan anak-anak mereka berbuat demikian. Jadi cuti sekolah itu bukan eratnya segala-segalanya cuti; belajar cuti, membaca buku juga cuti. Bahkan yang sebaik-baiknya masa cuti adalah masa untuk mentalaah dan mengulangkaji pelajaran.

Kalau ada sikap yang sedemikian itu di kalangan masyarakat kita matlamat budaya membaca itu akan dapat dicapai dan berjaya. Bertolak dari sana kita juga berkeyakinan bahawa harapan belia sebagai agen pembangunan, tenaga pemikir dan tenaga pelaksana yang penting dalam melaksanakan perkembangan sosio-ekonomi negara akan tercapai.

Penubuhan Askar Simpanan Melayu Diraja Brunei

Dari muka 1

Sabda Yang Amat Mulia lagi, penerimaan bakal ahli sebagai ahli simpanan nanti adalah satu pengurniaan kepercayaan di dalam mengikat pertahanan negara ini, yang merupakan ikrar pahlawan yang menempatkan bakti kepada negara sebagai puncak perkhidmatan seorang perajurit yang melimpasi kepentingannya sendiri.

Di dalam mengemaskinikan penubuhan itu, sabda Yang

Amat Mulia, Kementerian Pertahanan sedang menimbangkan satu kadar keistimewaan secara terperinci yang masih lagi dalam pertimbangan jawatankuasa yang berkenaan.

Yang Amat Mulia menekankan kepada bakal askar simpanan supaya akan sentiasa memelihara kesihatan dan maruah diri serta sentiasa bersedia, kerana ini bukan sahaja mendatangkan keuntungan kepada diri sendiri tetapi akan meringankan bebanan

semasa berlatih dan tidak pula menjadi liability kepada ahli-ahli kompeninya yang lain.

Dalam hubungan ini, ujar Yang Amat Mulia perlulah diberitahu bahawa tidaklah ada maksud askar simpanan ini dalam dasar pertahanan mengambil alih peranan utama dalam pertahanan itu daripada tangan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Apa yang penting bagi mereka yang arif akan taktik strategi tentera ialah menyelaraskan pergerakan

garis depan dengan kegiatan barisan-barisan yang lain, sabda Yang Amat Mulia lagi.

Ini hanyalah wajar, tegas Yang Amat Mulia, kerana kekuatan satu pasukan itu adalah lahir dari persatuan pertubuhannya yang terdiri daripada anak watan, akan ditempatkan di bawah pemerintahan-pemerintahan angkatan tentera di masa-masa darurat, akan bergerak mengikut hukuman-hukuman yang biasa dipakai oleh Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.



PERPUSTAKAAN Kanak-Kanak yang disediakan oleh DBP telah dapat 'menimbakan' kanak-kanak untuk terus menimba ilmu pengetahuan. — Gambar oleh DBP.

BANDAR SERI BEGAWAN.

Pegawai perhubungan awam di jabatan-jabatan kerajaan di negara ini dinasihatkan supaya sentiasa mengamalkan sistem perhubungan awam yang terbuka kepada orang awam agar orang awam dapat memahami perjalanan pentadbiran kerajaan dan seterusnya membantu mereka memberikan timbal balik yang jujur dan berkesan.

Ini disampaikan oleh Pengarah Penyiaran dan Penerangan Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani semasa menyampaikan sijil kepada para peserta yang menamatkan kursus Intensif Komunikasi dan Perhubungan Awam kali ke-3 di Unit Latihan Jabatan Perjawatan di Jalan Kumbang Pasang di sini, pada hari Sabtu, 21 November lepas.

Beliau seterusnya menasihatkan para peserta

AMALKAN SISTEM PERHUBUNGAN AWAM

Oleh Dk. Saidah PO

supaya menambahkan kemahiran, pengalaman, kebolehan dan mempunyai keyakinan pada diri sendiri untuk terus memperbaiki lagi mutu persembahan masing-masing dan sentiasa saling hubung-menghubungi antara satu sama lain.

Sebagai seorang pegawai perhubungan awam tegas beliau, mereka juga akan bertindak selaku 'gate keeper' bagi maklumat keluar masuk, tetapi itu tidaklah bermakna memberikan hak pada mereka sebagai pegawai penapis maklumat kerana penapisan itu hanya akan menimbulkan prasangka dan diskriminasi.

Melalui kursus tersebut beliau berharap para peserta akan menjadi jurutera sosial komunikator profesional yang lebih berkesan dan bermanfaat kepada masyarakat dan Negara Brunei Darussalam.

Kursus selama dua minggu itu telah bermula pada 19 November lepas dan seramai 16 orang pegawai kanan kerajaan dari sembilan buah jabatan kerajaan menghadiri.

Kursus tersebut dikendalikan oleh tiga orang pensyarah dari Universiti Kebangsaan Malaysia dengan kerjasama Unit Latihan Jabatan Perjawatan dan Jabatan Penyiaran dan Penerangan.

Dari 16 orang peserta yang menghadiri kursus tersebut lima orang dari mereka adalah sebagai penilai yang terbaik, mereka ialah Awang Sulaiman bin Haji Ismail, Dayang Hajjah Rashidah binti Haji Mohd. Hanifah, Awang Tan Seng Teck, Awang Wahab bin Haji Tengah dan Awang Johari bin Achee.



PENGARAH Penyiaran dan Penerangan, Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani menyampaikan sijil kepada Pengiran Haji Yassin bin Pengiran Haji Ahmad salah seorang peserta yang menamatkan kursus komunikasi yang diadakan baru-baru ini. — Gambar oleh Rabee Haji Sabli.

NEGARA Brunei Darussalam melalui Jabatan Pertanian, Kementerian Pembangunan kini mempunyai sebuah projek penetasan telur ayam yang terletak berdekatan dengan Stesen Pertanian Mentiri, Jalan Kota Batu. Ianya dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu Bahagian Penetasan dan Bahagian Pemeliharaan Ayam Pemiak. Projek ini adalah dihasratkan untuk memberi kemudahan kepada penternak-penternak ayam khususnya dan orang ramai amnya yang berminat di bidang ternakan ayam di dalam mendapatkan bekalan anak-anak ayam.

Sejauh ini projek penetasan telur ayam ini telah berjaya mengeluarkan hasil sejumlah B\$92,230.00 @ B\$1.00/ekor hasil jualan anak-anak ayam yang ditetaskan iaitu bagi tempoh penjualan November 1986 hingga Jun 1987. Telur-telur yang telah ditetaskan ini adalah didatangkan dari Singapura yang mana ianya mempunyai kualiti yang baik (bersih) di dalam menghasilkan baka-baka ayam yang baik. Purata jumlah telur yang telah ditetaskan bagi tempoh pen-

jualan tersebut ialah 12,720 butir sebulan iaitu kira-kira 80.99 peratus daripada jumlah keseluruhan telur-telur yang didatangkan dari Singapura bagi tempoh tersebut.

Dalam tempoh 3 bulan yang baru lalu — Julai hingga Oktober 1987, penjualan anak-anak ayam telah mencapai kepada angka 84,166 ekor hasil daripada purata jumlah telur yang ditetaskan iaitu 7,500 butir seminggu. Sehubungan dengan ini,

kehendak bekalan anak-anak ayam oleh penternak-penternak tempatan adalah meningkat dari masa ke semasa dan pada masa ini Jabatan Pertanian sedang berusaha untuk menambahkan hasil keluaran projek tersebut.

Di samping itu juga projek penetasan telur ayam ini telah berjaya menghasilkan telur keluaran sendiri yang mana dalam tempoh 3 bulan yang lepas sejumlah 70,302 butir telur telah dihasilkan berikutan terdapatnya Bahagian Pemeliharaan Ayam Pemiak.

Adalah dijangkakan, projek penetasan telur ayam ini akan dapat memenuhi kehendak negara di masa akan datang di dalam membekalkan telur-telur dan baka-baka ayam yang berkualiti kepada pengeluar-pengeluar khasnya penternak-penternak ayam. Pada masa ini, negara kita masih lagi mengimport kira-kira 60 peratus daripada jumlah anak-anak ayam untuk dibekalkan kepada penternak-penternak tempatan.

Sebagai langkah di dalam memenuhi kehendak pengeluar tempatan di masa

PROJEK PENETASAN MENTIRI BEKALKAN ANAK-ANAK AYAM




Pertanian



akan datang, adalah dijangkakan projek penetasan anak ayam ini akan dapat menghasilkan sejuta anak ayam setahun apabila 3 unit mesin penetas beroperasi sepenuhnya di mana kira-kira 108,000 telur-telur ayam dapat dijamkan dan dapat menghasilkan kira-kira 84,000 ekor anak ayam sebulan. Dan adalah dijangkakan, projek ini boleh menghasilkan dua kali ganda jumlah anak-anak ayam kepada 2 juta ekor setahun jika pembekalan telur-telur ayam berbenih dapat dibekalkan sepanjang tahun.



BANGUNAN Projek Penetasan Anak Ayam di Kampong Mentiri.



ANAK-ANAK ayam yang baru menetas dimasukkan ke dalam kotak-kotak untuk dibekalkan kepada penternak-penternak yang membuat tempahan.

JABATAN Pertanian, Kementerian Pembangunan kini sedang menganjurkan kursus singkat bagi peladang dan orang ramai yang berminat dalam hidroponik iaitu penanaman tomato. Bahagian Latihan jabatan berkenaan juga menganjurkan kursus-kursus ternakan ayam, ternakan puyuh, tanaman cendawan, tanaman buah-buahan dan memproses kulit binatang. Kesemua kursus-kursus tersebut dijalankan di Pusat Latihan Pertanian Sinaut, Tutong.

Kursus yang bermula pada 26 Oktober, 1987 itu telah mendapat sambutan dari peladang dan orang ramai. Gambar sebahagian dari peserta yang mengikuti kursus hidroponik sedang mendengar ceramah mengenai penanaman tomato.

Kursus singkat tanaman hidroponik



Harga barang-barang keperluan

SEPERTI biasa di bawah ini dicatatkan beberapa jenis barang-barang keperluan sehari-hari yang boleh didapati dijual dengan harga yang sederhana rendah di kedai-kedai Bandar Seri Begawan, Tutong, Kuala Belait dan Seria. Adalah diingatkan kepada orang ramai bahawa barang-barang berikut di bawah ini bermula pada 25 November, 1987.

BANDAR SERI BEGAWAN 2085

- 1) Telur Ayam Tempatan sepapan \$5.70.
 - a) Kedai Kim Seng Choon No. 6, Jalan McArthur.
- 2) Sos Tiram 1 lb (Cap Orang) sebotol \$2.00.
 - a) Thye Seng Dept. Store B1 Jalan Robert.
- 3) Beras Wangi AAA (Cap Burung) seguni \$10.50.
 - a) Kedai Thye Seng Dept. Store B1 Jalan Robert.
 - b) Kedai Chop Hen Long No. 31, Jalan Sultan.

TUTONG 5082

- 1) Telur Ayam tempatan sepapan \$6.00.
 - a) Kedai Soon Lee Mini Mart No. 1 Jalan Enche Awang.
- 2) Sos Tiram 1 lb (Cap Orang) sebotol \$2.00.
- 3) Beras Wangi AAA (Cap Burung) seguni \$11.00.
 - a) Chop Hoe Hing No. 4 Jalan Enche Awang.

SERIA 7087

- 1) Telur Ayam tempatan sepapan \$5.50.
 - a) Kedai Yuan Ho Hiung No. 49 Jalan Bunga Kuning.
- 2) Sos Tiram 1 lb (Cap Orang) sebotol \$2.50.
 - a) Kedai Hudson Company No. 9, Jalan Sultan Omarali.
- 3) Beras Wangi AAA (Cap Burung) seguni \$11.00.
 - a) Chop Koh Seng Heng No. 17 Jalan Sultan Omarali.

KUALA BELAIT 6083

- 1) Telur Ayam Tempatan sepapan \$5.70.
 - a) Kedai Chop Haw Min Chinese Chamber of Commerce.
- 2) Sos Tiram 1 lb (Cap Orang) sebotol \$2.00.
 - a) Kedai Chop Yee Seng No. 46 Jalan Pretty.
 - b) Kedai Yick Guan No. 3, Jalan Pretty.
- 3) Beras Wangi AAA (Cap Burung) seguni \$10.40.
 - a) Kedai Teo Hiang Hng No. 45 Jalan Pretty.
 - b) Kedai Chop Yee Seng No. 46 Jalan Pretty.



DULI Yang Maha Mulia Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, Sultan Selangor Darul Ehsan mengurniakan pingat emas sempena Jubli Perak Pemerintahan Sultan Selangor kepada Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abd. Aziz, Grand Chamberlain bertempat di Istana Tetamu.



DULI Yang Maha Mulia Sultan Selangor Darul Ehsan dengan penuh minat mendengarkan penerangan mengenai Masjid Sultan Omar Ali Saifuddin yang disembahkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Seruddin, Menteri Hal Ehwal Ugama ketika baginda berangkat melawat Pameran Perkembangan Islam di Brunei bertempat di Pusat Dakwah Islamiah.



PROJEK Perpindahan/Perumahan Negara di Lambak Kanan juga termasuk dalam siri lawatan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Darul Ehsan. Dalam gambar atas kelihatan baginda sedang memerhatikan model projek tersebut dengan diberikan penerangan oleh salah seorang pegawai kanan Jabatan Kemajuan Perumahan. Dalam lawatan tersebut, baginda telah diiringi oleh Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Laila Jasa Dr. Haji Ismail bin Pengiran Haji Damit, Menteri Pembangunan.

LAWATAN MUHIBAH DYMM SULTAN SELANGOR DARUL EHSAN



Gambar-gambar oleh
Haji Sharbini Taha,
Pg. Haji Yaakub dan
Pg. Bahar PHO.



RAJA Muda Selangor, Yang Amat Mulia Tengku Idris Shah mendengar penjelasan daripada Pengarah Muzium-Muzium Brunei, Awang Haji Metussin bin Omar ketika baginda berangkat ke Pameran Perusahaan Minyak dan Gas di Muzium Brunei.

RAJA Muda Selangor, Yang Amat Mulia Tengku Idris Shah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sultri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Menteri Kewangan ketika beristirehat di Istana Tetamu (atas).

YANG Amat Mulia Tengku Idris Shah, Raja Muda Selangor mendengarkan penerangan mengenai cara-cara menenun kain (tenunan Brunei) yang disembahkan oleh Awang Haji Md. Yassin, Penyelia Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan ketika Yang Amat Mulia berangkat melawat pusat tersebut (kanan).





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulla Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berbual mesra dengan Duli Yang Maha Mulla Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, sejeurus sebelum keberangkatan balik (atas).

JALINAN mesra yang jelas terbayang antara Kebawah Duli Yang Maha Mulla Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (kanan) dan Duli Yang Maha Mulla Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj. Gambar kanan ini dirakamkan ketika majlis persantapan yang diadakan di Istana Nurul Izzah.

DULI Yang Maha Mulla Sultan Selangor Darul Ehsan diperkenalkan kepada menteri-menteri kabinet dan ahli-ahli Majlis Mesyuarat Diraja sejeurus baginda berangkat tiba di negara ini (bawah).



LAWATAN MUHIBAH SULTAN SELANGOR DA



DULI Yang Maha Mulla Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj menyumbangkan cenderamata kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulla Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulla Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Maha Mulla Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj ketika berbual-bual di Istana Tetamu (atas).

DULI Yang Maha Mulla Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj telah mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Yang Amat Mulia Kelas Pertama Seri Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (SSSA) kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himamah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri (kanan), Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah (tengah kanan) dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Menteri Kewangan (kanan sekali).



Mulia Sultan Salahuddin Abdul Sultan Selangor Darul Ehsan mengadakan lawatan muhibah ke negara ini bermula 23 November di negara ini baginda dan ahli berangkat untuk kunjungan majlis Kebawah Duli Yang Seri Baginda Sultan dan Yang Brunei Darussalam di Istana

Maha Mulia Sultan Selangor Darul
berkenan menganugerahkan Darjah
Amat Dihormati (DK) kepada
Maha Mulia Paduka Seri Bagin
Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Wad-
dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei
istiadat yang diadakan di Istana

berkenan mengurniakan bintang-
Yang Amat Mulia Kelas Pertama
Abdullah Abdul Aziz Shah (SSA)
Kebawah Duli Yang Maha
Baginda Sultan dan Yang Di-
Brunei Darussalam. Mendahului
sebut ialah Duli Yang Teramat
Pengiran Perdana Wazir Sahibul
Pagar Pengiran Muda Haji Mohamed
Hal Ehwal Luar Negeri; Duli Yang
Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri
Pagar Pengiran Muda Haji Sufr
Yang Teramat Mulia Paduka Seri
Sahibul Mal Pengiran Muda Haji
Kerian Kewanan.

Maha Mulia Sultan Selangor Darul
Istiadat mengurniakan Pingat Jubli
Um Duli Yang Maha Mulia Sultan
Al Aziz Shah Alhaj kepada 30 orang.



Liputan oleh Ahat Ismail,
Abd. Karim HAB, Bolhassan
HAB, Zubaidah HS, Haniza
Abdullah dan Dk. Fatimah
Gambar-gambar oleh Hj. Shar-
bini, Pg. Abu Bakar PHO, Pg.
Bahar PHO dan Pg. Hj. Yaakub.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Maha Mulia Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkhah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mul Pengiran Muda Haji Jefri Bolkhah, Menteri Kewangan berhubung-bual mesra sejour sebelum majlis persantapan yang berlangsung di Istana Nurul Izzah (atas).

SEJURUS keberangkatan tiba Duli Yang Maha Mulia Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj di Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas bagi lawatan muhibah ke negara ini, doa selamat telah dibacakan. Kelihatan dalam gambar kiri Kobawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Peruan Negara Brunei Darussalam dan adinda-adinda baginda.

SEPANJANG lawatan ke negara ini, Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Darul Ehsan telah berangkat bagi mengadakan majlis tahlil di Makam Kubah Diraja. Kelihatan di gambar kiri sekali, Duli Yang Maha Mulia menjurus ayang asah-asahan ke makam Almarhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddin Saadul Khalil Waddien.



Walaupun kemodenan pengaruhi corak kehidupan kita:

Konsep gotong-royong masih mendapat tempat dalam masyarakat

Oleh Ahat Haji Ismail

Gambar-gambar oleh Hj. Sharbini Taha.

KONSEP kerja gotong-royong atau yang lebih dikenali dengan kerja 'memucang-mucang' masih lagi mendapat tempat dalam masyarakat Melayu Brunei terutama di kampung-kampung, sekalipun arus kemodenan banyak mempengaruhi corak kehidupan mereka sehari-hari.

Bagaimanapun, mereka ini tidak semudah itu mahu melupakan konsep yang telah lama diwarisi sejak zaman-berzaman malah sebaliknya terus berusaha mengekalkannya serta mengembangkannya kepada generasi-generasi muda belia agar mereka terus mempusakai dan mengamalkannya.

Usaha ini ternyata membuahkan hasil yang amat memberangsangkan apabila hampir tiga perempat

golongan muda belia dari sejumlah 150 orang penduduk Mukim Saba menyertai kerja memucang-mucang membina jambatan di Kampung Saba Tengah Ahad lepas.

Meskipun mereka kurang dari segi pengalaman dan pendedahan dalam kerja-

kerja pertukangan, namun para belia itu tanpa segan-silu telah menunjukkan minat yang penuh dedikasi memberikan sumbangan kerjasama yang terdasya semata-mata menyahut konsep kerja memucang-mucang.

Mengulas mengenai perkembangan itu, Ketua Kampung Saba Tengah, Awang Ibrahim Besar menyatakan kerja gotong-royong itu hampir-hampir pupus dan jika tidak ada langkah-langkah atau inisiatif ianya akan hilang begitu saja.

"Langkah menghidupkan semula kerja-kerja memucang-mucang amat dialu-alukan supaya kekal sepanjang zaman kerana konsep tersebut adalah salah satu identiti masyarakat Melayu Brunei Darussalam yang mesti kita kekalkan," katanya.

"Kampung-kampung lain atau mana-mana penduduk di negara ini, katanya, akan dapat mencontohi dan mengikuti langkah serupa itu sama ada yang bercorak majlis-majlis keramaian mahupun majlis-majlis yang bercorak kedukaan. Selain daripada itu, dengan cara demikian akan mengeratkan lagi hubungan silaturahmi sesama penduduk."

Jabatan Daerah Brunei-Muara yang memainkan peranan kerja gotong-royong ini memberikan pelbagai bentuk bantuan seperti peralatan, pengangkutan, bahan-bahan binaan dan juga tenaga kepakaran, yang diketuai oleh Penolong Pegawai Daerah, Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Mohiddin.

Jambatan yang berukuran 840 kaki panjang dan 4 kaki lebar ini menelan belanja sejumlah \$14,000.00 menghubungkan dua buah jeti turun naik bagi



APA yang dilihat tu... tidak ada apa-apa cuma para sukarelawan ini ingin memastikan sama ada tiang yang mereka dirikan itu kukuh atau sebaliknya.

kemudahan orang ramai dan ianya adalah salah satu daripada kemudahan-kemudahan yang terdapat untuk orang ramai yang disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Daerah Brunei dan Muara selain daripada tenaga elektrik, air, telefon dan sekolah.



KERJASAMA begini perlu diamalkan kerana ianya akan meningkatkan lagi hubungan silaturahmi antara sesama penduduk.



KEMAHIRAN yang tinggi merupakan kelebihan kepada peserta sukarelawan ini ketika menyertai kerja memucang-mucang.



BERAT sama dipikul... begitulah pepatah yang diamalkan oleh sukarelawan di atas yang turut menyertai kerja gotong-royong di Kampung Saba Tengah.

'Taman Buah-Buahan' akan wujud di Daerah Temburong

Oleh Zubaidah HS

DAERAH Temburong tidak lama lagi akan dikenali sebagai 'Taman Buah-Buahan' apabila kira-kira 6,450 batang pokok buah-buahan yang ditanam baru-baru ini akan hidup subur dan menghasilkan berjenis-jenis buah-buahan.

Negara kita yang mempunyai tanah yang subur untuk berbagai-bagai tumbuhan tidak mustahil untuk mengeluarkan buah-buahan yang boleh dibanggakan oleh negara, sebagaimana negara-negara lain seperti Thailand yang terkenal dengan durian yang enak dan lazat.

Penolong Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Mohd.

Salleh berkata, sebanyak 29 jenis pokok buah-buahan tempatan telah pun ditanam setakat ini dalam projek kempen penanaman pokok buah-buahan yang diadakan di Taman Batang Duri sebulan yang lalu, yang mana telah melibatkan sebanyak 6,000 batang pokok. Sementara pada hari Ahad 22 November lepas kempen kali kedua diteruskan di Pekan Bangar Temburong dengan menanam kira-kira 450 batang pokok buah-buahan.

Pokok buah-buahan tempatan yang ditanam dalam kempen tersebut termasuklah

kelapa mawa, berjenis-jenis rambutan, ciku, limau dan durian kuradon dan durian luang.

Berjenis-jenis pokok mangga juga telah ditanam di sekitar Pekan Bangar. Ini termasuklah mangga epal, vanilla, malgua dan harum manis serta wani.

Seramai kira-kira 400 orang telah bergotong-royong menanam pokok buah-buahan itu. Mereka termasuklah pegawai-pegawai kerajaan, belia dan beliawanis serta penduduk kampung, dengan diketuai sendiri oleh Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Abd. Hamid dan Penolongnya Pengiran Mohd. Salleh.

rtb Intisari minggu ini

Radio Minggu Ini:

SKRIP-SKRIP DRAMA RADIO

PENYIARAN radio dan televisyen adalah merupakan salah satu organisasi komunikasi media yang memerlukan kerja-kerja berkelompok, perpaduan tenaga dan juga yang berkehendakkan sumbangan - sumbangan dari pelbagai peringkat dan jurusan. Justeru itu, hasil daripada penyiaran yang dirancangan itu bukanlah pula milik seorang individu. Tetapi ia adalah milik bersama, hasil daripada perkongsian-perkongsian bakat dan kemahiran, sama ada bidang-bidang penulisan, penerbitan, arahan dan jurusan-jurusan teknikal.

Begitulah secara kasarnya kaitan penghasilan rancangan-rancangan di media radio ataupun televisyen. Tanpa adanya perpaduan mungkin agak sukar untuk menjaya dan menghasilkan suatu rancangan untuk disiarkan ke udara. Jadinya, bersabit dengan persoalan ini 'Radio Minggu Ini' ingin pula menjelaskan tentang peranan yang dimainkan oleh penyumbang-penyumbang di Radio Brunei teristimewa peranan 'Penulis Skrip Drama Radio.'

Sejak Radio Brunei pun diasaskan lebih daripada 30 tahun yang lalu, sumbangan para penulis kepada penyiaran Radio Brunei adalah merupakan salah satu tenaga penggerak pada setiap rancangan di radio ketika itu. Radio Brunei juga dianggap sebagai medan tempat para penulis di negara ini berkarya dan mengasah bakat dalam bidang penulisan drama, cerpen, sajak dan lain-lainnya. Jadinya, hubungan dua hala di antara Radio Brunei dengan penulis-penulis tanahair begitu meninggalkan kesan yang baik dan dapat mencorakkan dunia sastera negara ini kemudiannya. Kerana di dalam perkembangan penulisan kreatif tersebut Radio Brunei seringkali dikaitkan sebagai media yang banyak menyumbangkan dan juga sekaligus mengetengahkan nama-nama penulis kepada peminat sastera dan masyarakat pendengar.

Dalam pada itu di akhir-akhir ini pula amat

mendukacitakan sedikit, kerana kegiatan bersastera khususnya kuantiti sumbangan tulisan-tulisan kreatif, terutamanya yang berbentuk skrip-skrip drama dan cerpen begitu merosot bilangannya. Keghairahan mereka untuk menulis dan menyumbangkannya ke Radio Brunei nampaknya berkurangan, jika dibandingkan dengan keadaannya pada masa-masa yang lalu.

Memandangkan hakikat ini tadi masyarakat pendengar mungkin beranggapan bahawa tugas dan peranan para penulis di negara ini telah berakhir ataupun mungkin tenaga dan buah fikirannya sudah tidak diperlukan lagi oleh media Radio Brunei. Sebenarnya kedua-dua kenyataan tadi tidak tepat sama sekali. Apa yang diharapkan oleh pihak Radio Brunei hingga sekarang ini adalah sentiasa membuka dan memberikan peluang seluas-luasnya kepada setiap penulis, sama ada penulis-penulis 'veteran' dan juga penulis-penulis baru. Untuk menyumbangkan sebanyak-banyaknya karya-karya yang bermutu dan memenuhi kehendak pembangunan bangsa, agama dan negara.

Sumbangkanlah skrip-skrip drama radio dari masa ke semasa kepada Radio Brunei, insya-Allah, skrip-skrip drama radio awda penulis itu akan dipersembahkan balik kepada masyarakat pendengar dengan sempurna dan berkesan. Kejayaan awda penulis bukan hanya setakat

menghasilkan skrip-skrip drama, bahkan lebih daripada itu awda penulis juga berkongsi sama menggerak dan membimbing masyarakat, menerusi idea-idea yang dicetuskan dalam skrip-skrip drama tersebut. Mungkin inilah kejayaan besar yang dikehendaki dalam media komunikasi. Kerana media radio itu selain daripada memberikan maklumat-maklumat dan menghibur, ianya juga berfungsi sebagai pendidik, penasihat dan pembimbing masyarakat pendengar kepada kehidupan yang sempurna dan berfaedah.

Kepada penulis-penulis baru yang berhajat untuk menyumbangkan skrip-skrip drama radio mereka, tampillah dari sekarang. Berusahalah mempelajari selok-belok penulisan skrip drama radio daripada kawan-kawan yang telah berjaya di dalam bidang penulisan ini. Walau bagaimanapun, pihak Radio Brunei sentiasa pula memberikan peluang kepada semua penulis yang berhajatkan pertolongan-pertolongan yang sepatutnya dalam perkara ini. Terutamanya bagi yang ingin mengetahui garis-garis-pandu penulisan skrip-skrip drama radio.

Pada hemat kita hasil penulisan yang konstruktif ataupun yang membina adalah merupakan karya yang bermutu tinggi. Kerana karya-karya sebegini adalah sesuai dengan peranan radio sebagai media kerajaan dan juga media orang ramai yang mempunyai fungsi yang amat luas tadi.



SEBUAH siri baru yang bercorak komedi "Perfect Strangers" yang menggantikan siri komedi "Three's Company" yang akan dapat awda tonton pada hari Sabtu kira-kira jam 7.40 malam.



RANCANGAN Tetamu Radio pada minggu ini akan diisikan dengan temubual kami bersama Andy Yunus. Jemputlah mengikuti siarannya pada hari Ahad 6 Disember jam 4.30 petang dan ulangannya pada hari Rabu 9 Disember jam 2.00 petang. Rancangan diterbitkan oleh Zainab Haji Md Taha.

Mari Memasak:

IKAN BAWAL MASAK ACAR

BAHAN-BAHAN- NYA :-

- 700 gram ikan bawal putih (anggaran 2 ekor)
- 4 sm kunyit basah
- 4 sm halia muda
- 4 sm lengkuas
- 1 batang serai (dititik sahaja)
- 4 biji lada merah (dipotong memanjang)
- 4 biji lada hijau (dipotong memanjang)
- 5 biji buah keras
- 8 biji bawang merah

- 4 ulas bawang putih (dihiris bulat)
- 1 sudu makan cili boh
- ½ cawan cuka
- ½ cawan air pati santan
- minyak penumis dan garam dan gula secukupnya

CARA MENYEDIAKAN- NYA :-

- 1. Ikan bawal dibersihkan kemudian toskan airnya. Setelah itu gaulkan bersama

- kunyit, garam biarkan selama ½ jam baharulah digoreng.
- 2. Kunyit, halia, lengkuas, bawang putih, bawang merah, buah keras dikisar hingga lumat masukkan cili boh.

- 3. Panaskan minyak penumis secukupnya, setelah itu tumiskan rempah-rempah tadi hingga wangi baunya.

- 4. Kemudian masukkan air pati santan, bila air kuahnya pekat sedikit masukkan bawang besar, lada merah dan lada hijau dan juga air cuka.

- 5. Akhir sekali perasakan garam dan gulanya. Sesudah itu baharulah masukkan ikan yang telah siap digoreng.

- 6. Biarkan ianya beberapa ketika dan angkat dari atas api.

- 7. Semasa hendak menghidangkan, hias dengan sedikit timun dan daun salad mengikut kesukaan masing-masing.

JANGANAN JAWA

BAHAN-BAHAN- NYA :-

- 1 biji timun (dibuang empulurnya dan dihiris kasar)
- 2 biji telur rebus (dipotong bulat)
- 4 biji ubi kentang (direbus buang kulitnya dipotong dadu kasar kemudian digoreng sebentar)
- 100 gram taueh
- 100 gram daun kubis (dipotong persegi)
- 100 gram kacang panjang (dipotong anggaran 3sm)
- 2 keping tauhu (dipotong dadu kemudian digoreng)
- 4 keping tempe (dihiris serong dan digoreng)
- 50 gram mee kuning sedikit keropok, bawang goreng, air panas mendidih dan minyak penumis secukupnya.

- 2 sudu makan serbuk cili boh
- 100 gram kacang tanah (digoreng tanpa minyak dan ditumbuk)

- sedikit belacan
- 2 sudu teh gula
- minyak penumis secukupnya
- garam secukupnya
- 1 ikat daun ketumbar.

CARA MENYEDIAKAN- NYA :-

- 1. Air panas mendidih yang telah disediakan untuk mencelur taueh, kubis dan kacang panjang dalam air garam, keringkan dan angkat.

- 2. Panaskan minyak, gorengkan satu-persatu, tempe, tauhu, mee, keropok toskan minyaknya dan simpankan di dalam bekas yang tidak kedup udara buat sementara.

- 3. Susunkan sayur-sayur yang telah siap dicelur tadi mengikut susunan masing-masing.

4. MEMBUAT SOSNYA :-

- Tumbukkan kacang dan belacan dan cili boh, selepas itu panaskan minyak untuk memumis dan masukkan kacang dan gula.

- 5. Apabila mendidih dan nampak berminyak masukkan air mendidih.

- 6. Biarkan sampai kental baharulah masukkan daun ketumbar dan perasakan gula dan garamnya baharulah diangkat dan seukkan.

- 7. Untuk menghidangkan, setelah sedia bahan-bahan sayurannya baharulah disiramkan kuah sos tadi di atasnya.



Sudut Remaja

TERUNA Remaja ini berasal dari Daerah Belait, punya bakat yang dapat diketengahkan di arena seni suara.

Zamri Jamil seorang penuntut akan menghiburkan awda dalam rancangan ini pada hari Isnin 7 Disember jam 4.00 petang.

RANCANGAN

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

TV

MINGGU INI

RABU 2 Dis.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 ADVENTURES OF LITTLE KOALA
5.00 A WHOLE WORLD OF CHILDREN (Siri baru)
5.25 DEFENDERS OF THE EARTH: "Frozen Hearts"
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 MY SISTER SAM: "Making Up Is Hard To Do"
6.06 AZAN MAGHRIB
6.11 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
6.21 MY SISTER SAM — sambungan
6.35 ANIMAL IN ACTION: "Life Along The River"

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.20 AZAN ISYAK
7.26 BIMBINGAN ISLAM
7.36 SMALL WONDER: "Little Miss Shopping Mall"
8.00 L. A. LAW: "Pigmalion" (Episod akhir)
8.50 FILLER
9.00 WARTA BERITA
9.25 SUDUT PELITA
9.30 LIPUTAN NASIONAL
10.00 MUSICAL: "Top Of The Pops"
10.50 THE COLBYS: "Return Engagement"
Kemunculan Phillip Colby yang tidak disangka itu menjadikan suasana gempar dan membahagikan kesetiaan keluarga Colby kepada dua pihak, Sable menjadikannya sebab untuk memutuskan pertunangannya dengan Zach, dusta Channing selama ini terhadap Miles terbongkar, Francesca tidak dapat menolak godaan lama; sementara itu Jason dan Fallon marah apabila Jeff memutuskan untuk memberi sebahagian daripada harta yang diwarisinya.
11.50 SIARAN TAMAT.

KHAMIS 3 Dis.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.30 HEATHCLIFF
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 HEATHCLIFF — sambungan
6.06 AZAN MAGHRIB
6.11 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
6.21 CHEMISTRY IN ACTION
6.35 SUPERGRAN

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS



EPISOD akhir siri O'Hara "Brian" mengisahkan tentang seorang penuntut akademi polis yang cuba membuat keputusan dan tindakan sendiri semata-mata untuk menyelamatkan maruah ayahnya yang dipecat tanpa usul periksa. Siri ini akan dapat awdaaksikan pada hari Isnin kira-kira jam 8.05 malam.

- 7.17 FILLER
